BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Istilah-istilah fiqh merupakan sesuatu yang sinonim dengan Pendidikan Islam. Ini kerana fiqh merupakan landasan kepada *`ibādah* dan *mu`āmalah* seharian umat Islam dan ia merupakan elemen penting di dalam sistem Pendidikan Islam dulu dan kini. Generasi muslimin terdahulu dilihat giat berusaha untuk mendalami makna perkataan dari al-Qur'an dan al-Sunnah agar generasi yang berikutnya dapat memahaminya dengan kefahaman yang sebenar. Penguasaan terhadap makna sebenar sesuatu istilah merupakan kunci kepada penguasaan kesuluruhan ilmu. Ini kerana tanpa penguasaan terhadap makna yang sebenar bagi setiap istilah, tidak memungkinkan kita untuk memahami nas-nas syarak[1].

Merujuk kepada aspek kandungan buku teks Pendidikan Islam di Malaysia khususnya buku teks Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, penggunaan istilah-istilah yang dipindahkan dari perkataan Arab adalah sesuatu yang lumrah dan tidak dapat dipisahkan. Ini adalah kerana sumber kepada Pendidikan Islam itu sendiri adalah daripada al-Qur'an dan al-Sunnah[2] yang pada hakikatnya adalah dalam bahasa Arab. Hal ini diperjelaskan oleh al-Qur'an al-Karim sendiri. Firman Allah SWT:

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا ..... ﴿١١٣﴾

Ṭāhā 113:20

[1] Dr. Quṭb Muṣṭafā Sanu, *Mu`jam Muṣṭalahāt 'Usūl al-Fiqh*, (Damshiq: Dūr al-Fikr, 2000), 9
[2] Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi Dan Pedagogi Pendidkan Islam: KPLI Pengajian Islam & j-Qaf (Siri Pendidikan Guru*), (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd., 2011), 363-367

Maksudnya; "*Dan demikianlah kami menurunkan al-Qur'an dalam bahasa Arab"*

Sejarah perkembangan Islam di Malaysia menjelaskan bahawa penggunaan istilah-istilah fiqh yang berdasarkan kepada bahasa Arab di dalam teks Pendidikan Islam bermula seawal zaman kegemilangan Islam di Melaka[3] di mana Pendidikan Islam mendapat perhatian daripada pemerintah ketika itu yang menjadikan istana bukan sahaja sebagai pusat pentadbiran, malah sebagai institusi pendidikan, perpustakaan serta tempat penterjemahan dan penyalinan kitab-kitab[4]. Antara kitab-kitab karangan ulama-ulama terkenal ketika itu seperti *al-Dur al-Manẓūm* oleh Abū Isḥāq al-Shirāzī, *Iḥyā` 'Ulūm al-Din* oleh al-Ghazālī, dan *Minhāj al-Ṭālibīn* oleh al-Nawawī[5].

Penggunaan istilah-istilah fiqh dalam Pendidikan Islam tidak terpisah daripada perkembangan penulisan kitab-kitab dan manuskrip Melayu Jawi yang secara meluasnya telah digunakan di dalam sistem pendidikan awal di Malaysia terutamanya di dalam pendidikan sistem pondok. Istilah-istilah Arab berkaitan konsep-konsep penting dalam agama telah digunakan secara meluas tanpa ada sebarang perubahan merujuk kepada sumber asas atau rujukan kepada penulisan kitab / manuskrip terbabit.

Penggunaan istilah-istilah fiqh di dalam penulisan kitab dan teks-teks Pendidikan Islam berterusan sehingga kini dan terserlah dengan usaha-usaha giat yang dilakukan oleh Jawatankuasa Istilah Agama Islam Dewan Bahasa Dan Pustaka[6] termasuklah

[3] Menurut D.G.E Hall, kedatangan Islam ke Tanah Melayu berlaku pada kurun ke-15 Masihi dan bermula dari Melaka. Kedudukan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam dianggap penting dan menjadi tumpuan ramai tokoh-tokoh Islam dari luar seperti Afghanistan, Melbari, Hindustan dan lain-lain terutamanya dari bangsa Arab. Antara mereka seperti Sayyid `Abd Al-Aziz, Maulana Sadar Johan, Maulana Jalal al-Din dan lain-lain lagi. *Lihat*, Dr. Hj Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*(Petaling Jaya: AL-RAHMANIAH (Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia), 1990), 97-100.

[4] Mahayudin Haji Yahaya, *Tamadun Islam*, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1998), 313.

[5] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., 1989), 145

[6] *Istilah Agama Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), vii.

memperkenalkan istilah-istilah baru di dalam bidang agama termasuk Usuluddin dan Syariah[7].

Berdasarkan kepada kedudukan istilah-istilah fiqh yang begitu ketara penggunaannya di dalam teks-teks Pendidikan Islam terutamanya Buku Teks Pendidikan Islam yang menjadi rujukan kepada seluruh murid dan pelajar di negara ini, maka tindakan yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan kelangsungan penguasaan terhadap ilmu-ilmu Islam. Dalam hal ini Muhammad Fauzi Jumingan dalam kajiannya menegaskan[8];

i. Islam sebagai teras kebudayaan Melayu selain menjadi personaliti yang mencorakkan seluruh hati budi bangsa Melayu. Justeru penyerapan nilai-nilai Islam dalam mana-mana aspek sosiobudaya Melayu termasuk bahasa boleh menjadi teras kebudayaan kebangsaan.

ii. Istilah dan perkataan dalam al-Qur'an dan al-Ḥadith yang berbahasa Arab mempunyai nilai-nilai Islam. Oleh itu penyerapan istilah dan kosa kata Arab akan mengukuhkan jati diri dan sahsiah kebangsaan warga Melayu.

iii. Mengimbangi arus sekularisme bahasa yang merupakan salah satu agenda orientalis, zionis dan aliran pemikiran anti agama seperti komunisme. Arus ini perlu diimbangi dengan usaha menerapkan nilai-nilai bahasa Islam (bahasa Arab) ke dalam bahasa Melayu.

[7] Puteri Roslina Abdul Wahid, *Menelusuri Peristilahan Bahasa Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 136.
[8] Muhammad Fauzi Jumingan, Ketepatan Makna Kosa Kata Pinjaman Arab Dalam Kamus Dewan, dalam *Prosiding Kongres Antarabangsa Bahasa Dan Budaya*, Jilid 2, ed. Mohd. Azurin Othman dan Hajah Norati Bakar (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, 2011), 81.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Persoalan berkaitan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh tercetus merujuk kepada beberapa isu berkaitan kefahaman golongan ilmuan dan masyarakat umum terhadap terma-terma atau istilah-istilah tertentu dalam Islam yang secara tidak langsung menggambarkan terdapat beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki. Ini bagi memastikan perkembangan Pendidikan Islam dapat berjalan dengan lancar, seterusnya meningkatkan tahap kefahaman masyarakat terhadap ilmu fiqh dan ajaran Islam itu sendiri.

Dalam hal ini polemik berkaitan sesuatu istilah berkaitan Islam seringkali kedengaran samada di peringkat masyarakat awam ataupun perbahasan para sarjana sejak zaman berzaman. Antaranya sebagai contoh, berkaitan istilah '*bid`ah'* yang telah menjadi polemik sejak sekian lama merujuk kepada huraian yang pelbagai baik dalam kalangan ilmuan maupun masyarakat sehingga cenderung kepada isu perpecahan. Terkini, isu '*kafir harbi*'[9] yang timbul di tengah-tengah kehangatan iklim politik negara.

Selain itu, Ab. Mumin dalam kajiannya berkaitan *Peristilahan "Riba": Satu Analisis Hukum*[10], telah melihat beberapa isu kontroversi timbul dalam kalangan ulama dan tokoh-tokoh cendekiawan Islam tentang pemahaman maksud sebenar perkataan riba yang diharamkan. Perbezaan pendapat dan perdebatan itu timbul disebabkan perbezaan tanggapan mengenai maksud sebenar riba yang diharamkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

Justeru sebagai asas, penguasaan murid di peringkat rendah merupakan titik tolak serta permulaan positif bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang betul-betul faham dan

[9] Robiatuladawiyah Abd Rashad, "Kafir Harbi, Zimmi Sikap Bukan Islam", laman sesawang *Sinar Harian, dicapai 3 September 2013,* http://www.sinarharian.com.my/nasional/kafir-harbi-zimmi-sikap-bukan-islam-1.101897.

[10] Ab. Mumin Ab. Ghani, (1997) "Peristilahan "Riba": Satu Analisis Hukum", dalam *Jurnal Syariah* 5, bil. 2 (1997), 187.

celik ilmu terutamanya berkaitan fiqh dan Syariah Islam. Secara dasarnya, umum dilihat akan lebih bersikap terbuka dan berlapang dada jika memahami secara mendalam istilah berkaitan serta dapat menghindarkan segala polemik yang berlaku.

Secara umumnya, pelajaran berkaitan istilah-istilah fiqh sememangnya telah sedia ada di dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSR. Merujuk kepada organisasi kandungan Pendidikan Islam KBSR khususnya, pelajaran berkaitan istilah-istilah fiqh merupakan elemen kefahaman konsep dan ilmu bagi komponen ibadah[11] yang perlu dikuasai oleh murid. Persoalannya di sini, adakah setiap istilah yang diajarkan kepada murid itu dapat dikuasai dan difahami dengan sejelasnya secara konsepsi yang tepat atau hanya menjadi ikutan mulut tanpa mengetahui dasar ilmu yang terkandung di dalam setiap istilah yang diungkapkan.

Berdasarkan kepada pengalaman pengkaji sebagai pendidik, kebanyakan murid tidak menguasai istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR. Maksud penguasaan di sini adalah merujuk kepada keupayaan murid mencapai objektif pembelajaran berdasarkan pada tahap kognitif tertentu (pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian) berlandaskan Taksonomi Bloom[12]. Perkara ini dikesan semasa perlaksanaan ujian PAFA[13] di mana murid gagal untuk menerangkan

[11] Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), x.

[12] "Taksonomi Bloom membincangkan enam aras dalam domain kognitif iaitu daripada peringkat mengingat atau mengenali secara ringkas fakta, sebagai aras yang paling rendah kepada peningkatan secara kompleks atau aras pemikiran abstrak kepada susunan yang paling tinggi yang dikenali sebagai penilaian". Lihat, Abdull Sukor Shaari, *Pedagogi: Dari Sekolah Ke Institut Pendidikan Tinggi* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011), 24.

[13] Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) merupakan salah satu daripada elemen utama di dalam Kurikulum Pendidikan Islam bertujuan untuk menilai tahap penguasaan murid berkaitan perkara-perkara asas fardhu ain. Penilaian PAFA mula diperkenalkan mulai tahun 1994 melalui satu bentuk penilaian yang dijalankan sepenuhnya oleh pihak sekolah dengan guru Pendidikan Islam menjadi pelaksana utama. *Lihat*, Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1994 :Penilaian Perkara Asas Fardu 'Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR),Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

kembali konsep berkaitan istilah-istilah fiqh dalam ibadah (istilah-istilah yang berasal dari bahasa Arab, contoh; *tayammum*, najis *mukhaffafah*, dan lain-lain).

Secara teorinya, isu tersebut adalah berbalik kepada proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) Pendidikan Islam. Pdp yang berkesan akan memberi impak yang positif terhadap perkembangan ilmu Islam dari segi kefahaman, penghayatan dan amalan terutamanya kepada murid sekolah rendah kerana pada peringkat ini penyemaian asas Pendidikan Islam perlu dikerjakan dengan kaedah dan pendekatan yang tepat dan berkesan. Sikap sambil lewa dalam proses ini akan memberi impak negatif yang akhirnya melahirkan generasi yang jauh dan terpisah dari agama dan ia merupakan suatu kerugian kepada dunia Islam.

Kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini mendapati bahawa kurang keberkesanan pendidikan asas agama dan al-Qur'an di peringkat rendah ada kaitannya dengan keutamaan mata pelajaran yang ditekankan, pendekatan pengajaran yang menekankan matlamat dan orientasi peperiksaan, kurangnya pembinaan kemahiran dan aspek penghayatan dalam mata pelajaran yang dipelajari di samping pendekatan pengajaran yang tidak menarik[14] merujuk kepada masih ramai guru-guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah konvesional atau kaedah pasif dalam pengajaran mereka di dalam kelas[15]. Kajian oleh Ab. Halim et al. menunjukkan bahawa kaedah syarahan atau kuliah merupakan kaedah yang paling popular digunakan oleh guru di dalam bilik darjah[16]. Sementara Mohd Sahandri et al. dalam kajian

[14] Abdul Halim Muhammad "Keberkesanan Pendidikan Islam Di Peringkat Rendah Dan Pembentukan Peribadi Muslim", dalam *Memahami isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*, ed. Suzalie Mohamad (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2003), 75.

[15] Abdul Jamir Md. Saad, Ab. Halim Tamuri & A`dawiyah Ismail, "Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam", (makalah, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI 2012) di Hotel Royale Bintang, Seremban Negeri Sembilan, 03 hingga 06 Julai 2012).

[16] Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, "Isu Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam", dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, ed. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 21.

mereka telah menyenaraikan beberapa masalah yang dihadapi dalam proses pdp Pendidikan Islam, antaranya; guru tidak mempunyai teknik berkesan untuk menarik minat dan perhatian murid, cara pengajaran yang terlalu biasa iaitu dengan hanya berpandukan buku teks dan sedikit penerangan kepada pelajar serta tiada penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pdp[17].

Berdasarkan kepada huraian di atas, peranan guru adalah penting dalam memastikan ilmu yang disampaikan menepati kehendak serta objektif perlaksanaan kurikulum Pendidikan Islam. Tahap kesediaan yang tuntas diperlukan pada setiap guru bagi menjamin segala ilmu yang disampaikan adalah bertepatan dengan kehendak dan objektif sesuatu bidang ilmu itu diajarkan kepada murid. Selain itu amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah amat penting di mana pendekatan teori-teori pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran[18]. Dalam hal ini, guru merupakan agen kepada keberkesanan pendidikan. Sebaik manapun sesuatu sistem pendidikan, maksud yang ingin disampaikan tidak akan mencapai matlamat sekiranya agen yang menyampaikan tidak efektif. Kejayaan dan keberkesanan pendidikan adalah berhubung rapat dengan kesedaran para guru terhadap tanggungjawabnya, kelengkapan ilmunya dan keluhuran peribadinya[19].

[17] Mohd Sahandri Gani Hamzah, Roselan Baki & Saifuddin Kumar Abdullah, Amalan Penilaian Guru (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2012), 81-82

[18] Mohd. Khairuddin Abdullah, "Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Konstruktivisme", dalam *Pengetahuan Pedagogi Guru*, ed. Mohd. Yusof Abdullah et al. (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, , 2008), 13.

[19] Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Methodologi Dan Pedagogi Pendidikan Islam: KPLI Pengajian Islam Dan j-Qaf*, (Shah Alam: Oxford Fajar, 2011), 422.

1.3 Permasalahan Kajian

Bagi kajian, penyelidik melihat wujudnya masalah berkaitan penguasaan murid terhadap istilah-istilah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam. Ini dikesan ketika proses Penilaian PAFA dilaksanakan di mana murid gagal untuk memberikan pengertian terhadap beberapa istilah fiqh seperti pengertian solat, *tayammum, wuḍū'*, puasa, *najīs mukhaffafah, mutawassiṭah, mughallaẓah* dan lain-lain istilah berkaitan. Di sini timbul beberapa persoalan antaranya;

i. Apakah tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR.

ii. Apakah persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh yang diajar oleh guru.

iii. Apakah persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam kelas.

iv. Apakah hubungan persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah tersebut.

v. Apakah hubungan persepsi murid terhadap proses pengajaran guru dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh.

1.4 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian atau *theoretical framework* bermaksud, satu set gambarajah yang memandu kepada proses penyelidikan yang menghubungkan antara beberapa idea dan

komponen penyelidikan serta mencakupi aliran teori kajian yang digunakan termasuklah persoalan kajian, hipotesis kajian, tinjauan literatur dan metodologi kajian[20].

Hakikatnya, kajian ini adalah berkaitan penguasaan murid terhadap sesuatu pelajaran merujuk kepada proses pdp yang melibatkan aspek psikologi dan pedagogi dalam pendidikan. Dari aspek psikologi, kajian akan memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran murid di mana antara faktor terpenting dalam proses pembelajaran berdasarkan teori pembelajaran kognitif[21] iaitu persepsi dan pembentukan konsep (penanggapan). Dalam proses pembelajaran pembentukan persepsi yang betul terhadap sesuatu pelajaran di mana murid akan membuat interpretasi atau memberi makna kepada rangsangan yang diterima oleh derianya[22] adalah penting kerana melaluinya murid akan membentuk konsep di dalam minda[23]. Pengamatan (persepsi) dan penanggapan (pembentukan konsep) dipengaruhi oleh pengalaman, imaginasi, penguasaan bahasa dan contoh-contoh yang diberikan[24].

Sementara dari aspek pedagogi, fokus kajian adalah kepada proses pdp yang melibatkan murid dan guru. Teori yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada model pengajaran berkesan yang digunakan oleh Slavin (1987, 1994)[25]. Menurut Slavin terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti

---

[20] Sufean Hussin, *The Art Of Research And Disertation Writing: For Humanities And Art* (Kuantan: Asas Tuntas Publications, 1995), 12.

[21] Teori pembelajaran kognitif dipelopori oleh ahli-ahli teoris Gestalt (Kohler, Gagne, Bruner dan Ausabel). *Lihat*, Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, *(Siri Bimbingan Diploma Perguruan)Psikologi II: Semester II* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1998), 53

[22] Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan, *Psikologi Pendidikan* (Bentong: PTS Publications &Distributors Sdn. Bhd., 2004), 168.

[23] *Ibid.*

[24] *Ibid.*, 171.

[25] Robert E. Slavin , "A Model of Effective Instruction", laman sesawang *Behavioral Institute*, dicapai 7 Mac 2013, http://www.behavioralinstitute.org/FreeDownloads/Education_General/A%20Model%20of%20Effective%20Instruction_Slavin.pdf

pengajaran (*quality of instruction)*, kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*) dan masa *(time*)[26].



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian.

Rajah 1.1 di atas menunjukkan hubungan antara persepsi murid terhadap istilah fiqh dan persepsi murid terhadap pengajaran guru dengan proses pembelajaran murid. Kedua-duanya merupakan pembolehubah bebas yang dihubungkait dengan penguasaan istilah-istilah fiqh murid. Hasil kajian ini akan dapat memperlihatkan hubungan antara kedua-duanya dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh dalam kalangan murid sekolah rendah seterusnya memberi jawapan kepada persoalan-persoalan kajian.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR serta

[26] *Ibid.*

melihat hubungannya dengan persepsi murid terhadap istilah fiqh dan proses pengajaran guru di dalam kelas.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenalpasti tahap penguasaan istilah-istilah fiqh dalam kalangan murid sekolah rendah.

ii. Mengenalpasti persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR.

iii. Mengenalpasti persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR.

iv. Menentukan hubungan antara persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh dengan tahap penguasaan murid.

v. Menentukan hubungan antara persepsi murid terhadap proses pengajaran guru dengan tahap penguasaan istilah-istilah fiqh dalam kalangan murid.

1.7 Definisi Tajuk

Beberapa istilah yang digunakan akan diperjelaskan mengikut konteks kajian ini.

1.7.1 Penguasaan

Penguasaan menurut *Kamus Dewan* (1997) membawa maksud perihal menguasai atau menguasakan[27]. Merujuk kepada kata akar bagi perkataan ini iaitu *kuasa*, ia membawa maksud daya atau kemampuan (untuk melakukan atau mengerjakan sesuatu)[28]. Maka,

[27] *Kamus Dewan*, ed. Ke-3, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997),716.
[28] *Ibid.*, 715

perkataan penguasaan yang digunakan di sini ialah untuk menunjukkan perihal kemampuan untuk menguasai istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR.

1.7.2 Istilah Fiqh

Istilah fiqh yang dimaksudkan di dalam penulisan ini adalah merujuk kepada terma atau perkataan khusus yang merujuk kepada hukum-hukum amali dalam syariat Islam. Setiap terma tersebut secara langsung mewakili makna, konsep, proses, keadaan atau ciri-ciri khusus berkaitan syariat Islam.

1.7.3 Murid

Menurut *Kamus Dewan* (1997), murid didefinisikan sebagai anak ~ orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, pelajar, penuntut[29]. Murid yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah murid-murid tahun 5 dari tujuh buah Sekolah Kebangsaan di dalam Zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dipilih sebagai responden.

1.7.4 Sekolah Rendah

Sekolah menurut *Kamus Dewan* (1997) adalah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran[30]. Manakala sekolah rendah adalah sekolah untuk kanak-kanak daripada darjah satu hingga darjah enam[31]. Pendidikan sekolah rendah adalah merupakan satu asas pembelajaran. Untuk tujuan ini, satu kurikulum yang seragam telah diwujudkan untuk memastikan kurikulum pendidikan nasional merangkumi subjek-subjek asas dan penting. Untuk mengukur prestasi kemajuan pelajar di tahap ini, satu peperiksaan yang dikenali sebagai UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah) dilaksanakan di semua

[29] *Ibid.*, 910.
[30] *Ibid.*, 1211.
[31] "Carian PRPM @ DBP Malaysia", laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai 29 Disember 2012, http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sekolah+rendah.

sekolah. Pendidikan sekolah rendah bermula semasa kanak-kanak berusia enam tahun dan mengambil masa enam tahun sebelum melangkah ke pendidikan sekolah menengah[32].

1.7.5 Zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Zon Pudu merupakan zon pentadbiran pendidikan yang terletak dibawah Pejabat Pelajaran Daerah Bangsar Pudu. Pada asalnya, semua urusan pentadbiran pendidikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Namun, pada 1 Jun 2007, Pejabat Pelajaran Daerah telah ditubuhkan. Pejabat Pelajaran Daerah yang baru ditubuhkan ini bertanggungjawab terhadap pengurusan 100 buah sekolah rendah dan 50 buah sekolah menengah di zon Bangsar dan zon Pudu. Seorang Pegawai Pelajaran Daerah dan empat orang Penolong Pegawai Pelajaran Daerah serta seorang Pegawai Eksekutif (EO) telah menerima surat perlantikan berkuatkuasa pada 1 Jun 2007[33]. Terdapat 54 buah sekolah rendah di dalam zon Pudu[34] dengan populasi seramai 36033 murid pelbagai kaum[35].

---

[32] "Pendidikan Sekolah Rendah", laman sesawang *Portal Rasmi Kerajaan Malaysia*, dicapai 29/12/2012, http://www.malaysia.gov.my/BM/Relevant%20Topics/Education%20and%20Learning/Citizen/PrimarySchool/Pages/PrimarySchoolEducation.aspx

[33] PPD Bangsar Pudu, "Sejarah PPD", laman sesawang *Portal Rasmi Sektor Pengurusan Akademik, Pejabat Pelajaran Wilayah Bansar Pudu*, dicapai pada 14 Mac 2013, http://spappwbp.blogspot.com/2011/01/sejarah-ppd.html#

[34] PPD Bangsar Pudu, "Senarai Sekolah Rendah Wilayah Pudu", laman sesawang *Portal Rasmi Pejabat Pelajaran Wilayah Bangsar Pudu*, dicapai pada 14 Mac 2013, http://www.moe.gov.my/jpwpkl/ppwbp/index.php?option=com_content&view=article&id=66&Itemid=101&lang=en

[35] Puan Sehah Abd. Ghani (Penolong Pegawai, Unit HEM, PPD Bangsar Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), dalam temubual pada 6 Mac 2013.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya terbatas kepada:

i. Istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR

ii. Murid tahun 5 di tujuh buah sekolah rendah dalam Zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

iii. Guru-guru Pendidikan Islam di tujuh buah sekolah rendah dalam zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Skop kajian seperti di atas dipilih kerana:

i. Istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah adalah yang banyak terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam berbanding istilah-istilah di dalam bidang lain.

ii. Buku teks Pendidikan Islam merupakan sumber utama di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah

iii. Pemilihan murid tahun 5 dianggap sesuai berdasarkan kepada syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM agar penyelidikan yang dilakukan tidak mengganggu proses pembelajaran sampel pelajar dari kelas peperiksaan[36]. Mereka yang dipilih juga dianggap telah menguasai sebahagian besar istilah-istilah fiqh yang diajar di peringkat sekolah rendah berdasarkan kepada skop mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR[37] dan sesuai untuk menjawab soal selidik dengan menggunakan skala likert.

iv. Guru merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam proses pemindahan ilmu dari buku teks kepada murid

[36] "Perakuan Kelulusan Menjalankan Kajian", laman sesawang Eras, dicapai pada 21 April 2014, http://eras.moe.gov.my/eras/Index2.aspx

[37] JAPIM, *Sukatan Pelajaran KBSR, Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: JAPIM, 2002).

v. Zon Pudu terletak di dalam Kuala Lumpur, kota metropolitan yang menjadi nadi kepada pertumbuhan negara dari segenap segi samada sosial, ekonomi, teknologi, mencakupi bidang pendidikan dan sebagainya dilihat amat bersesuaian untuk dijadikan model di dalam kajian ini. Kedudukannya yang strategik di tengah-tengah arus pemodenan dan perkembangan sosial yang pantas memungkinkan kajian ini digenaralisasikan kepada proses yang sama di seluruh negara.

1.9 Hipotesis Penyelidikan

Ho1 : Tiada hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh dengan tahap penguasaan mereka terhadap istilah-istilah tersebut

Ho2 : Tiada hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap proses pengajaran guru dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh

1.10 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi nilai tambah dan membantu pelbagai pihak khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, universiti, Institut Pendidikan Guru, sekolah-sekolah, guru-guru, ibu bapa, pelajar-pelajar dan masyarakat.

Antara kepentingan kajian ini ialah:

i. Memberi pemahaman tentang peri pentingnya penguasaan terhadap istilah-istilah fiqh terutamanya yang berkaitan ibadah.

ii. Mengenalpasti dan melakukan penambahbaikan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh khususnya yang berkaitan ibadah

iii. Merencanakan satu proses penambahbaikan terhadap perlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam agar ia menjadi medium terbaik dalam proses pemindahan ilmu

iv. Memberi kesedaran tentang peri pentingnya penggunaan buku teks sebagai satu alat dalam penyampaian ilmu pengetahuan

v. Menanamkan kesedaran tentang kepentingan penguasaan istilah-istilah berkaitan agama sejajar dengan tuntutan massa yang memerlukan penguasaan menyeluruh terhadap setiap cabang ilmu pengetahuan

vi. Mewujudkan persepsi positif bahawa penguasaan istilah-istilah fiqh penting dalam memahami ajaran Islam terutamanya berkaitan ibadah seharian.

1.11 Susunan Penulisan

Penulisan disertasi ini didahului dengan beberapa halaman yang meliputi tajuk, dedikasi, abstrak, penghargaan, kandungan, transliterasi dan senarai kependekan. Ini diikuti dengan perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam setiap bab bermula dari bab 1 hingga bab 5.

Bab 1 disertasi ini merupakan pendahuluan yang berfungsi sebagai pengantar kepada penyelidikan yang akan dilaksanakan. Di dalam bab ini penyelidik akan

membahagikannya kepada beberapa tajuk kecil termasuk pengenalan, latar belakang masalah, penyataan masalah, objektif kajian, definasi tajuk, skop dan batasan kajian, hipotesis penyelidikan, kepentingan penyelidikan dan susunan penulisan.

Seterusnya bab 2 disertasi ini merupakan bahagian yang akan menjelaskan tentang kerangka atau landasan penyelidikan. Bagi tujuan tersebut bab ini akan membincang secara mendalam berkaitan istilah fiqh, perkembangan istilah fiqh di Malaysia, istilah-istilah fiqh dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR, pengajian fiqh dalam perkembangan pendidikan Islam di Malaysia, dan teori berkaitan pdp berkesan serta hubungannya dengan penguasaan istilah-istilah serta Pendidikan Islam secara umumnya.

Bab 3 merupakan bahagian terpenting dalam menentukan hala tuju kajian. Dalam bab ini penyelidik menerangkan secara mendalam berkenaan metodologi penyelidikan. Perbincangan dalam bab ini merangkumi huraian berkaitan reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, pengumpulan, pengurusan dan penganalisaan data, prosedur menjalankan kajian serta keesahan dan kebolehpercayaan kajian. Penjelasan ini adalah penting bagi memahami bagaimana kajian ini dilaksanakan sehingga memperolehi natijah yang akan dinukilkan dalam bab-bab yang seterusnya

Seterusnya di dalam bab 4 penyelidik akan membentangkan dapatan daripada kajian yang telah dilakukan. Huraian dalam bab ini adalah merujuk kepada persoalan-persoalan kajian yang telah ditentukan pada awal kajian dan dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR, persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh yang diajar oleh guru, persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam kelas, hubungan antara persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh dengan penguasaan istilah-

istilah tersebut dan hubungan antara persepsi murid terhadap proses pengajaran guru dengan penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh.

Kajian ini diakhiri dengan bab 5 di mana perbincangan berkaitan dapatan daripada analisis pada bab 4 akan dilakukan. Di samping itu dikemukakan juga beberapa cadangan dan saranan yang bersesuaian sebagai satu bentuk sumbangan idea dan alternatif bagi mempertingkatkan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh serta memertabatkan perkembagan Pendidikan Islam di negara ini. Bab ini diakhiri dengan cadangan bagi kajian lanjutan berkaitan tajuk yang dibincangkan.

1.12 Kesimpulan

Kajian ini diharap dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam melaksanakan proses pdp dengan kaedah dan teknik yang berkesan serta berjaya memupuk semangat dalam kalangan pelajar untuk terus mendalami ilmu agama di samping mempertingkatkan penghayatan mereka terhadap ibadah seharian terutamanya solat yang menjadi tonggak kepada keIslaman seseorang individu. Ini sejajar dengan harapan daripada pembentukan Kurikulum Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga , masyarakat dan negara.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1. Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara perkara yang akan dihuraikan dalam bab ini adalah berkaitan istilah fiqh, perkembangan istilah fiqh di Malaysia, istilah-istilah fiqh dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR, pengajian fiqh dalam perkembangan pendidikan Islam di Malaysia, serta pdp berkesan dan penguasaan istilah fiqh. Di samping itu, bab ini juga akan memberi tinjauan kepada beberapa isu berkaitan istilah-istilah fiqh serta kajian-kajian lepas yang telah dilakukan.

2.2. Istilah Fiqh

Istilah fiqh merupakan elemen penting dalam dalam proses pengajian fiqh dan "istilah" itu sendiri khususnya merupakan kunci kepada ilmu dan kebudayaan[38]. Pemahaman terhadap sesuatu istilah di dalam sesuatu cabang ilmu mempunyai kepentingan yang khusus kerana asas kepada sesuatu ilmu itu terbina di atas istilah-istilah yang digunakan padanya[39]. Adalah menjadi satu kesilapan yang besar kepada sesiapa yang tidak mempunyai pengetahuan berkaitan istilah-istilah di dalam bidang yang dipelajarinya dan hanya berpegang pada pemahamannya terhadap makna dari segi bahasa semata-mata. Dalam hal ini ulama menegaskan bahawa perlu kepada mereka yang membicarakan

[38] Fātiḥ Muḥammad Sulaymān Seh Nakāwā, *Muṣṭalaḥāt al-Fikr al-Islāmī al-Mu`āsir*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2012), 94
[39] *Ibid*., 95

berkaitan sesuatu bidang atau ilmu menyenaraikan perkataan-perkataan yang umumnya diterima dan digunakan dalam bidang tersebut dan takrifannya adalah berdasarkan kepada pemakaiannya dalam kalangan pakar dalam bidang tersebut[40]. Dr. Yaḥyā Marād di dalam penulisannya berkaitan pengertian-pengertian di dalam fiqh dan usul menegaskan bahawa dewasa ini masyarakat perlu terbiasa dengan pengertian-pengertian dan istilah-istilah di dalam ilmu fiqh dan usul kerana ia membawa kepada pemahaman yang jelas dan kepakaran terhadap ilmu tersebut serta menjadi landasan agar tidak terkeluar dari daerah perbincangan ilmu berkaitan sebagaimana terjadi dalam kalangan penulis, cendekiawan dan lain-lain yang terjun ke dalam perbincangan berkaitan masalah-masalah fiqh sedangkan mempunyai pengetahuan yang amat dangkal berkaitan perkara asas ilmu tersebut iaitu dari segi pengertian dan istilah dalam fiqh dan usul[41].

2.2.1. Pengertian Istilah (اصطلاح)

Perkataan "*iṣṭilāh*" adalah dari perkataan Arab [42] (اصطلاح) merujuk kepada perkataan atau rangkai kata yang digunakan dalam bidang tertentu dan menunjukkan kepada kefahaman yang jitu dan memberi erti berkaitan bidang tersebut[43]. Perkataan *al-*

[40] Sayyid `Abd al-Mājid al-Ghawrī, *Mu`jam al-Muṣṭalaḥāt al-Ḥadīthiyyah* (Selangor: Darul Syakir Enterprise, 2012), 22.
[41] Dr. Yaḥyā Marād, *Itḥāf al-Bariyyah bi al-Ta`rīfāt al-Fiqhiyyah wa al-Uṣūliyyah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2004), 3.
[42] "Istilah", laman sesawang *Wiktionary*, dicapai pada 29 Januari 2013, http://ms.wiktionary.org/wiki/istilah , 29/01/2013
[43] Yūsūf Waghlīsī, *Ishkāliyyah al-Muṣṭalāḥ fī al-Khiṭāb al-Naqdi al-`Arābī al-Jadīd* (al-Dār al-`Arabiyyah li al `Ulūm, 2008), 25

iṣṭilāh (الإصطلاح) dari segi bahasa bermaksud pendamaian (التصالح) iaitu bersepakat mewujudkan pendamaian keamanan antara mereka[44]. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t.;

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱقۡتَتَلُواْ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَهُمَاۖ ٩

al-Ḥujrāt 49:9

وَأَصۡلِحۡ لِي فِي ذُرِّيَّتِيٓۖ ١٥

Al-Aḥqāf 46:15

Sementara Ibrāhīm Muṣṭafā dalam *al-Mu`jam al-Wasīt* menyebut bahawa *al-iṣṭilāḥ* (الإصطلاح) adalah dari kata *iṣṭalaḥa* (اصطلح), membawa maksud 'kesepakatan sesuatu kumpulan atas sesuatu yang khusus, dan bagi setiap cabang ilmu itu ada istilah-istilahnya'[45]. Kalangan ulama pula mentakrifkan *al-iṣṭilāḥ* (الإصطلاح) sebagai 'kesepakatan sesuatu kumpulan samada sedikit atau banyak dalam menggunakan sesuatu lafaz pada makna yang tertentu lain dari makna sebenar lafaz tersebut dari segi bahasa dalam kalangan mereka', contohnya perkataan *wājib* (واجب) yang mana dari segi bahasanya bermaksud thābit (الثابت) dan lazim (اللازم), tetapi *fuqaha'* mengistilahkannya sebagai 'perkara yang dijanjikan pahala bagi orang yang melakukannya dan balasan dosa bagi yang

[44] Fātiḥ Muḥammad Sulaymān Seh Nakāwā, *Muṣṭalaḥāt al-Fikr al-Islāmī al-Mu`āṣir*, 73.
[45] Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu`jam al-Wasīṭ*, Jil. 1 (Istanbul: Dār al-Da`wah, 1990), 520.

meninggalkannya'[46]. Al-Jurjānī telah mentakrifkan *iṣṭilāḥ* kepada beberapa pengertian antaranya; (i) menerangkan kesepakatan sesuatu pihak dalam menamakan sesuatu dengan nama yang dipindahkan dari kedudukanya yang terdahulu serta mengeluarkan sesuatu lafaz dari pengertian bahasa kepada pengertian yang lain bagi menyesuaikan antara kedua-duanya, (ii) kesepakatan sesuatu pihak dalam meletakkan sesuatu lafaz setentang dengan makna, (iii) mengeluarkan sesuatu dari pengertian bahasa kepada pengertian yang lain bagi menerangkan maksud (iv) lafaz yang tertentu di antara golongan yang tertentu[47].

Jelasnya *iṣṭilāḥ* sebagaimana yang didefinisikan di atas membawa kepada satu maksud iaitu suatu perkataan yang digunakan dan diberi pengertiannya merujuk kepada bidang pengkhususan dan golongan yang menggunakannya. Ini bersesuaian dengan apa yang ditakrifkan oleh *Kamus Dewan* iaitu 'istilah sebagai perkataan atau rangkai kata yang mempunyai erti yang jitu dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan'[48]. Justeru menurut *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, "dalam satu-satu bidang ilmu atau ikhtisas, ada sejumlah kata dan frasa yang mengungkapkan konsep-konsep yang khusus yang diperlukan oleh bidang ilmu atau ikhtisas berkenaan. Kata dan frasa khusus inilah yang dikenal sebagai istilah"[49].

Istilah adalah lambang linguistik yang berupa huruf, bentuk bebas atau gabungan beberapa beberapa bentuk bebas yang gramatis dan sistematis, yang mengandungi timbunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar melalui jawatankuasa bidang berkenaan sebagai mempunyai nilai

[46] Sayyid `Abd Mājid al-Ghawrī, *Mu`jam al-Muṣṭalaḥāt al-Hadithiyyah,* 19.
[47] Fātiḥ Muḥammad Sulaymān Seh Nakāwā, *Muṣṭalaḥāt al-Fikr al-Islāmī al-Mu`āṣir*, 75-76, lihat juga, `Alī bin Muḥammad bin `Alī al-Jurjānī (1405), *al-Ta`rifāt* (Beirut: Dār al-Kitāb al-`Arabī), 44.
[48] *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, *1997*), 502.
[49] Dewan Bahasa Dan Pustaka, *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2004), 1.

komunikatif yang sesuai[50]. Puteri Roslina memetik daripada ISO 1087 (*Vocabulary of Terminology. International Organization For Standardization. Vienna: Infoterm, 1987*) mentakrifkan istilah sebagai sebarang lambang konvensional bagi suatu konsep yang terdiri daripada bunyi-bunyi ujaran atau representasi tulisan. Istilah ialah nama atau designasi bagi konsep dalam bidang khusus. Istilah boleh wujud dalam bentuk kata, ekspresi, simbol, formula, nama saintifik, akronim, atau nama rasmi jawatan, organisasi atau unit administratif[51]. Secara ringkasnya bolehlah dikatakan bahawa istilah adalah kata atau gabungan kata yang dengan jelas menerangkan makna, konsep, proses, keadaan atau ciri-ciri khusus dalam bidang tertentu[52].

Berdasarkan kepada takrif istilah yang diberikan, Hasnah Mohamad telah menyimpulkan beberapa perkara berkaitan istilah iaitu[53];

i. konsep ialah asas dalam pembentukan istilah
ii. istilah boleh menjadi simbol untuk menggambarkan sesuatu konsep
iii. istilah boleh terdiri daripada kata, singkatan, huruf, lambang grafik, dan sebagainya
iv. istilah mempunyai makna yang khusus mengikut bidang

[50] Nor Hisham Osman, *Perancangan Bahasa* (Shah Alam: Al-Hikmah Sdn. Bhd., 2001), 42.
[51] Puteri Roslina Abdul Wahid, *Menelusuri Peristilahan Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 4
[52] Nor Hisham Osman, *Perancangan Bahasa*, 42.
[53] Hasnah Mohamad (2008), Pendekatan Linguistik Terhadap Analisis Takrif Istilah, dalam *Leksikologi Dan Leksikografi Melayu (*Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2008), 213-214.

2.2.2. Pengertian Fiqh (الفقه)

Perkataan "*fiqh*" pula adalah berasal dari bahasa Arab yang bermaksud faham atau tahu tentang sesuatu[54]. Juga dirujuk sebagai banyak ilmu tentang sesuatu serta faham tentangnya yang mana kebiasaannya merujuk kepada ilmu agama[55]. Seseorang yang mempunyai kefahaman yang mendalam tentang sesuatu ilmu agama atau pengajian Syariah digelar sebagai "*faqīh*"[56]. Dr. `Abd al-Karīm Zaydān di dalam *al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh* menyatakan makna "*fiqh*" dari segi bahasa ialah pengetahuan tentang sesuatu dan kefahaman akannya, tetapi pemakaiannya di dalam al-Qur'an bukan sekadar pengetahuan sahaja malah ia lebih menjurus kepada kefahaman yang mendalam, kekuatan fikiran dan mengetahui tujuan sesuatu percakapan [57]sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلۡقَوۡمِ لَا يَكَادُونَ يَفۡقَهُونَ حَدِيثًا ٧٨

"Maka mengapa orang-orang itu (orang munafik) hampir-hampir tidak memahami percakapan sedikitpun".

al-Nisa` 4:78

[54] Abū al-`Abbas Aḥmad bin Muḥammad bin `Ali al-Fayyumī (1922), *al-Miṣbāḥ al-Munīr fi Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr li al-Rafi`ī*, Juz. 2, Cet. 5 (Kaherah: al-Maṭba`ah al-Amīriyyah, 1922), 656.
[55] Al-Fairuzabādī (817H), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, Juz. 4, (al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-`Āmmah lil Kitāb), 284.
[56] Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1997), 2
[57] Dr. `Abd al-Karīm Zaidān, *al-Wajīz fī 'Uṣūl al-Fiqh*, Cet. 5, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1996), 8.

قَالُواْ يَٰشُعَيۡبُ مَا نَفۡقَهُ كَثِيرٗا مِّمَّا تَقُولُ..... ٩١

Mereka berkata: "Hai Syu`aib! Kami tidak banyak mengerti tentang apa yang kamu katakan itu".

Hūd 11: 91

Sementara dari segi istilah *shara`*, *fiqh* didefinisikan sebagai "pengetahuan berkaitan hukum-hukum amali dalam syari`ah yang diambil dari dalil-dalil yang terperinci"[58]. Ini adalah sebagaimana ditakrifkan oleh Imām al-Shāfi`ī raḥimahullāh dan kemudiannya masyhur dalam kalangan ulama-ulama selepasnya[59]. Dr. Muṣṭafā al-Khin, Dr. Muṣṭafā al-Bughā dan `Alī al-Sharbājī telah membahagikan makna fiqh dari segi istilah kepada dua iaitu;

i. mengetahui hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan setiap mukallaf dan kata-kata mereka yang diambil dari dalil-dalil yang terperinci, iaitu nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah serta ijma` dan ijtihād,
ii. hukum-hukum syarak itu sendiri[60].

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa '*istilah* fiqh*'* di sini adalah merujuk kepada perkataan atau rangkai kata yang mempunyai erti khusus berkaitan hukum-hukum amali dalam Syariah Islamiah sebagaimana yang diguna oleh kebanyakan *fuqahā`* di dalam kitab-kitab penulisan mereka.

[58] Tāj al-Dīn `Abd al-Wahhab bin `Alī al-Subkī (771H), *Jami` al-Jawāmi` Fī 'Usūl al-Fiqh*, (Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah), 6, lihat juga; Mannā` Khalīl al-Qattān, *Tārīkh al-Tashrī` al-'Islāmī; al-Tashrī` wa al-Fiqh*, (Riyadh: Maktabah al-Ma`ārif li al-Nashr wa al-Tauzi`, 1996), 183, lihat juga; Dr. Wahbah al-Zuhaylī, a*l-Fiqh al-'Islāmī wa Adillatuh*, Juz. 1 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985),16.
[59] *Ibid.*, Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-'Islāmī wa Adillatuh*
[60] Dr. Muṣṭafā al-Khin, Dr. Muṣṭafā al-Bughā dan `Alī al-Sharbājī, *al-Fiqh al-Manhajī `alā Mazhab al-Imām al-Shāfi`ī*, Jil. 1, 7-8.

2.3. Perkembangan Istilah Fiqh Di Malaysia

Perkembangan istilah fiqh di Malaysia secara dasarnya adalah merujuk kepada perkembangan bahasa Melayu dari segi kemasukan istilah-istilah dan perbendaharaan kata asing terutamanya bahasa Arab bermula seawal kedatangan Islam ke Tanah Melayu di mana berlakunya proses asimilasi bahasa melalui pendidikan.

Pendidikan Islam sebagai satu sistem pendidikan yang awal telah terkesan dengan pengaruh perkembangan terutama sekali dari aspek bahasa pengantarnya iaitu bahasa Arab. Ini kerana bahasa memainkan peranan yang amat penting dalam aspek pendidikan kerana pendidikan berlaku melalui bahasa sebagai wahana penyerapan ilmu dalam diri manusia[61]. Memetik kata Syed Muhammad Naguib al-Attas, "*pendidikan sebagaimana institusi penting yang lain dalam kehidupan manusia adalah bermula dari bahasa dan ianya bergantung kepada bahasa. Ini kerana pendidikan melibatkan penyampaian, tafsiran, analisis, sintesis, pendalaman dan pengamalan konsep serta idea sekaligus mencerminkan hakikat yang kesemuanya memerlukan bahasa*"[62].

2.3.1. Pengaruh Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu

Merujuk kepada sejarah perkembangan Islam di rantau Melayu amnya, proses pengIslaman telah meletakkan bahasa Melayu menjadi alat perantaraan dan penyampaian ajaran Islam. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (*lingua franca*) di samping pengenalan abjad Arab (Jawi) telah meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa

[61] Awang Sariyan, "Peranan Bahasa Dalam Pembinaan Insan Dan Pembangunan Masyarakat Hadhari", *Jurnal Hadhari* Bil. 1 (2009), 5

[62] Wan Mohd. Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Syed M. Naquib Al-Attas; Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 229.

sastera yang popular juga sebagai bahasa sarjana dan para cendekiawan terkemuka[63] dan kedudukannya sebagai bahasa kesusasteraan falsafah Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia telah menambah dan meninggikan perbendaharaan katanya dan istilah-istilah khususnya, dan merupakan salah satu faktor terutama yang menjunjung bahasa Melayu ke peringkat bahasa sastera yang bersifat rasional; yang akhirnya berdaya serta sanggup menggulingkan kedaulatan bahasa Jawa sebagai bahasa sastera Melayu-Indonesia[64].

Dengan terbentuknya satu bahasa umum di Nusantara, maka berkembanglah persuratan Melayu antaranya, tulisan yang bercorak ilmu pengetahuan agama, seperti ilmu Tafsir dan Hadith, ilmu Tauhid atau Usuluddin, ilmu Fiqh, ilmu Tasawwuf dan sebagainya[65].

Islam yang sinonim dengan bahasa Arab telah memberi pengaruh besar kepada perkembangan bahasa Melayu. Terdapat banyak perkataan Arab setelah kedatangan Islam, sama ada untuk laras agama, pemerintahan mahupun yang lain-lain. Kata-kata Arab begitu banyak dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sama ada dikekalkan sebutan dan ejaannya mahupun yang diserap dan disesuaikan lafaz dan ejaannya[66].

Asmah Hj. Omar menegaskan bahawa masuknya kata-kata Arab ke dalam bahasa Melayu kerana bahasa Arab merupakan bahasa agama Islam. Walaupun ajaran Islam disampaikan melalui bahasa Melayu, tetapi konsep-konsep penting dalam agama Islam terungkap dalam bahasa Arab dan diturunkan tepat dalam istilah-istilah Arabnya dengan

---

[63] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara; Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 54-57.
[64] Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 21.
[65] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara; Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, 54-57.
[66] Amat Juhari Moain, *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996), 16.

dihuraikan maknanya dalam bahasa Melayu[67]. Seterusnya beliau di dalam kajiannya terhadap teks *`Aqaid al-Nasafī* telah melihat kedudukan kata pinjaman daripada bahasa Arab sebagai kumpulan yang terbesar daripada kata-kata yang dibawa dari luar alam Melayu. Kata pinjaman itu dibahagikan kepada dua jenis iaitu yang pertama ialah kata sehari-hari yang merupakan juga istilah dalam agama Islam. Istilah-istilah berikut antaranya ialah; *nabi, wali, zakat, syarat, tawhid, salih, rukun, halal, haram, khabar, ya`ni, hakikat*. Sementara yang keduanya pula ialah kata-kata yang kurang biasa bagi pengguna bahasa Melayu dan merupakan istilah pada peringkat yang lebih tinggi daripada jenis yang pertama, antaranya; *thabit, mutawatir, jawhar, dharuri, tawajjuh, istidlali, mashaf, jamad, khilafat*[68].

Sementara itu, Zuraini Hamisan dalam kajiannya mendapati bahawa peminjaman pengistilahan bahasa Arab dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, bahagian pertama; istilah yang melibatkan unsur-unsur keagamaan dari cabang-cabang ilmu agama seperti fiqh, hadith, tafsir, tauhid dan sebagainya. Seterusnya bahagian kedua pula merupakan istilah-istilah yang tidak melibatkan unsur-unsur agama dan telah sebati digunakan dalam bahasa Melayu[69]. Hal ini sebagaimana disebut oleh Za`ba di dalam Ilmu Mengarang Melayu,"*Dalam bahasa Melayu, banyak perkataan dari bahasa asing yang telah terpinjam atau termasuk sebati jadi sebahagian daripada perbendaharaan kata-katanya. Perkataan-perkataan demikian hampir semua telah diubahkan bunyi sebutannya mengikut tabiat lidah Melayu dan kerap kali maknanya juga telah berubah atau bertambah*

[67] Asmah Hj. Omar, *Ensiklopedia Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2008), 144.
[68] Asmah Hj. Omar, *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu `Aqaid Al-Nasafi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 138.
[69] Zuraini bt. Hamisan @ Khoir, "Peminjaman Istilah Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu; Satu Kajian Kes" (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002), 150.

daripada makna yang dalam bahasa asalnya" [70]. Di sini beliau telah memberi contoh beberapa istilah yang sering diguna pakai antaranya; *`aqidah, `aqaid, sifat, istighna, sifat iftiqar, takbiratul al-ihram, i`tidal, tasyahud akhir, sujud sahwi, qunut, masbuq, sunat muakkadah, sembahyang, tahajjud, ru`yah, fidyah, zakat, zakat fitrah, tawaf, sa`i, talaq raj`i, iddah, hadas kecil, hadas besar, wiladah, nifas, wuduk, junub, hadis, hadis mutawatir, hadis marfu`, isnad ijtihad, mujtahid, taqlid, muqalid*[71].

2.3.2. Pengaruh Arab-Islam Dalam Penulisan Kitab / Manuskrip Melayu Jawi

Perkembangan keilmuan Islam di rantau Nusantara telah memperlihatkan perkembangan pesat dalam aktiviti penulisan kitab / manuskrip agama. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa pada abad ke-15 proses penulisan manuskrip Melayu Jawi[72] sudah berkembang dengan pesatnya dan sampai ke kemuncaknya pada abad ke-17[73]. Sejajar dengan itu, budaya menyalin, menterjemah dan menyadur karya-karya asing khususnya daripada Timur Tengah telah menjadi lumrah. Kebanyakan karya-karya tersebut ditulis dalam bahasa Melayu, Bugis, Jawa, Acheh, dan lain-lain bahasa tempatan[74]. Kemunculan manuskrip Melayu Jawi ditunjangi oleh pengetahuan agama Islam dan bahasa Arab. Kedua-dua aspek ini sukar dipisahkan kerana sumber utama agama Islam ditulis dalam bahasa Arab. Pengaruh bahasa Arab telah menjadi lebih dominan berbanding bahasa asing yang lain, termasuk bahasa Parsi walaupun bentuk abjadnya hampir sama dengan

[70] Zainal Abidin Ahmad, *Ilmu Mengarang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 267.
[71] *Ibid.*, 267-268
[72] Juga dikenali sebagai "*Kitab Kuning*" merujuk kepada kertasnya yang berwarna kuning dan pada asalnya bahan kertas untuk cetakan diperolehi dari Timur Tengah, lihat Mohd. Koharuddin b. Mohd Balwi, "*Tradisi Keilmuan Dan Pendidikan Dalam Tamadun Melayu*", laman sesawang Management.utm, dicapai pada 12/5/2014, http://www.management.utm.my/download/doc_details/97-tradisi-keilmuan-dan-pendidikan-dalam-tamadun-melayu-di-nusantara.html
[73] Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Politik Dan Sosiobudaya Masyarakat Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2009), 270.
[74] *Ibid.*, 269

abjad Arab dalam bahasa Melayu. Hal ini disebabkan bahasa Arab merupakan bahasa al-Qur'an dan kitab agama kebanyakannya terdapat dalam bahasa Arab[75].

Sumber utama penulisan kitab-kitab fiqh yang ditulis dalam bahasa Melayu adalah daripada karya Timur Tengah dan rata-ratanya dari tokoh-tokoh aliran kemazhaban zaman taqlid[76]. Mengambil contoh karya yang ditulis oleh Daud bin Abdullah al-Fatani, kitabnya yang bertajuk *Furū` al-Masā'il* menggunakan sumber kitab *al-Fatāwā* yang ditulis oleh al-Ramlī dan *Kashāf al-Lithām* yang ditulis oleh al-Maḥallī. Bagi kitabnya yang bertajuk *Bughyāt al-Ṭullāb* rujukannya ialah kitab *Tuḥfāt al-Muḥtāj* yang ditulis oleh al-Haythamī, *Nihāyat al-Muḥtāj* yang ditulis oleh al-Ramlī, *Mughnī al-Muḥtāj* yang ditulis oleh al-Sharbīnī, *Nahj al-Wahhāj* yang ditulis oleh al-Damiri dan *Fatḥ al-Wahhāb* yang ditulis oleh al-Ansārī. Manakala kitabnya yang bertajuk *`īḍaḥ al-Murīd* merujuk kitab *Minhāj al-Tālibīn* yang ditulis oleh al-Nawawī, *Fatḥ al-Wahhāb* karangan al-Ansari, *Tuḥfāt al-Muḥtāj* karangan al-Haythamī dan lain-lainnya[77].

Rahimin Affandi dan Faizuri dalam menjelaskan tentang warisan karya ulama Melayu-Islam telah menegaskan bahawa karya ilmiah bertulis yang dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam dalam pelbagai bidang disiplin ilmu keIslaman sama ada secara teoritikal (seperti disiplin teologi) ataupun praktikal (Fiqh dan Tasawuf) dikenali sebagai kitab Jawi dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam sama ada secara saduran ataupun original berteraskan kepada kerangka asas Islam. Ianya telah digunakan sebagai rujukan asas untuk pengajian

[75] *Ibid.,* 299
[76] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara; Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, 140.
[77] *Ibid.*

keilmuan Islam bukan setakat di rantau Alam Melayu, bahkan turut dikenali secara meluas di peringkat antarabangsa[78].

Jamalluddin bin Hashim, di dalam kajiannya telah menyatakan bahawa *al-Sirāṭ al-Mustaqīm* karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri merupakan kitab fiqh berbahasa Melayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara dan merupakan perintis kepada penulisan kitab-kitab fiqh berbahasa Melayu. Kitab ini dikarang bertujuan untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada orang-orang Melayu yang tidak memahami bahasa Arab dalam memahami fiqh ibadat sebagai amalan seharian mereka. Kajian beliau telah mendapati bahawa metodologi yang digunakan oleh al-Raniri adalah berdasarkan kepada metodologi penulisan fiqh ulama Shāfi`iyyah dengan dipengaruhi oleh gaya penulisan Shaykh Ibn Ḥajar al-Haythamī antaranya di dalam *Hidāyah al-Muḥtāj Sharḥ Mukhtaṣar Ibn Hajj* dan *al-Minhāj al-Qawīm Sharḥ al-Muqaddimah al-Ḥaḍramiyyah* dengan menekankan kepada penulisan bahagian ibadat, bertepatan dengan faktor keperluan masyarakat di Nusantara yang baru menerima Islam dan memerlukan satu panduan untuk memahami asas-asas ibadat dalam Islam. [79]

Jelasnya, perkembangan penulisan teks / manuskrip Melayu Jawi adalah dipengaruhi oleh Arab-Islam dari segi bahasanya terutama penggunaan istilah-istilah Arab. Ini berlaku kerana pendidikan yang diterima oleh seseorang penulis biasanya mempengaruhi bentuk penulisan mereka[80], di samping kerana tidak adanya istilah-istilah yang sesuai yang wujud dalam bahasa Melayu sendiri terutama istilah-istilah yang

[78] Rahimin Affandi Abdul Rahim dan Faizuri Abdul Latif, "Warisan Karya Ulama` Melayu-Islam Silam Dan Kaitannya Dengan Pengajian Moral Di Zaman Moden", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 27 (2008), 170-171.
[79] Jamaluddin Bin Hashim, Kitab *Al-Sirat Al-Mustaqim* Karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitab *Al-Taharah* Dan *Al-Salah*): Teks Dan Analisis (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 185-186.
[80] Mohd Roslan Mohd Nor, "Aspek Fiqh Dalam Kitab Ulama` Alam Melayu *Minhat al-Qarib al-Mujib wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrib* Oleh Syeikh Wan Abdul Samad Bin Mohammad Salleh (Tuan Tabal): Satu Analisis", *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 20 (2009), 208.

berkaitan dengan Islam, sama ada istilah undang-undang, falsafah, tata bahasa, mantik, tauhid, tafsir, hadis, dan lain-lain lagi[81].

2.3.3. Istilah-istilah Fiqh Dalam Buku Teks Pendidikan Islam KBSR

Buku Teks Pendidikan Islam KBSR yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan rujukan utama kepada murid sekolah rendah di Malaysia. Penghasilan buku ini adalah berdasarkan kepada kritirea yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia merujuk kepada Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR[82]. Berdasarkan kepada buku teks Pendidikan Islam KBSR, terdapat banyak istilah-istilah fiqh yang digunakan samada ditulis semula berdasarkan tulisan asal dari bahasa Arab atau tulisan berdasarkan kaedah jawi terkini. Antara istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam adalah seperti berikut:

[81] Amran Kasimin, *Perbendaharaan Kata Arab Dalam Bahasa Melayu*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987), 11.
[82] Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi Dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & j-Qaf* (Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2011), 16.

Jadual 2.1: Istilah-istilah Fiqh Di Dalam Buku Teks Pendidikan Islam KBSR

Senarai Istilah Fiqh Yang Terdapat Di Dalam Buku Teks Pendidikan Islam KBSR Tahun 1-6				
شريعة	عبادة	صلاة	اذان	فواسا
حكوم	دعأ	نية	اقامة	هاري تشريق
واجب	برسوجي	قبلة	صلاة برجماعة	فجر
سنة	تيمم	تكبيرة الإحرام	امام	سحور
هاروس	إستنجأ	ركوع	مأموم	طواف
حرام	وضوء	اعتدال	موافق	مميز
مكروه	مندي	سجود	مسبوق	مرتد
فرض	حدث	صلوات	خشوع	مذهب
فرض عين	حدث كجيل	تحية اول	صلاة جمعة	
فرض كفاية	حدث بسر	تحية اخير	مستوطن	
شرط	اير مطلق	سلام	مرديك	
صح	اير مستعمل	طمأنينة	عذور	
بطل	نجيس	قنوت	خطبة	
سنة أبعاض	نجيس حكمي	ترتيب	اعتكاف	
سنة هيئات	نجيس عيني	بالغ	خطيب	
سنة مؤكد	نجيس مخففة	برعقل	عورة	
روكون	نجيس متوسطة	مميز	تحية المسجد	
روكون قلبي	نجيس مغلظة	سجود سهوي	صلاة عيد الفطري	
روكون قولي	حيض	تورك	صلاة عيد الأضحى	
روكون فعلي	نفاس	افتراش	تكبير	
	مني	تكبيرةالإنتقالات	صلاة جنازة	
	ولادة	دعأ افتتاح	صلاة تراويح	
	ليل نقلي	استعاذة	صلاة حاجة	
	دليل عقلي	تسبيح		

2.4. Pengajian Fiqh Dalam Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia

Pengajian fiqh adalah merujuk kepada pengajian tentang hukum syarak dalam hal-hal yang bersabit dengan kehidupan amali manusia[83]. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu ibadah yang menjurus kepada aturan hubungan antara manusia dengan penciptanya, Allah SWT dan mu`amalah yang menjurus kepada hubungan antara manusia sesama manusia[84]. Perbincangan di dalam pengajian fiqh ini telah diperincikan lagi kepada tujuh bahagian iaitu[85];

i. *Ibādah* (عبادة); Hukum berkaitan peribadatan kepada Allah daripada wudhu`, solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya.

ii. *Al-Aḥwāl al-Syakhṣiyyah* (الأحوال الشخصية); Hukum berkaitan kekeluargaan termasuk di dalamnya perkahwinan, talak, nasab, penyusuan, nafkah, pewarisan dan sebagainya.

iii. *Mu`āmalāt* (معاملات); Hukum berkaitan perilaku manusia dan komunikasi antara sesama mereka terdiri dari jual beli, gadaian, sewaan, tuntutan, pembuktian, kehakiman dan sebagainya.

iv. *Al-Siyāsah al-Shar`iyyah* (السياسة الشرعية); Hukum yang berkaitan kewajipan pemerintah dalam mewujudkan keadilan, menghalang kezaliman dan menjaga

[83] Dr. Abd al-Karīm Zaydān, *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī`ah al-Islāmiyyah* (Damsyik: Muassasah al-Risālah Nāshirūn, 2009), 62. Lihat juga; Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah*, 2.
[84] Dr. Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Damsyik: Dar al-Fikr, 1985), 19
[85] Dr. Muṣṭafā al-Khin, Dr. Muṣṭafā al-Bughā dan `Alī al-Sḥarbajī, *al-Fiqh al-Manhājī ``Alā Mazhab al-Imām al-Shāfi`ī*, Jil. 1(Damsyik: Dār al-Qalām, 1998), 12-13

hukum syarak, demikian juga kewajipan golongan yang diperintah dalam mentaati pemerintah dalam perkara-perkara yang bukan maksiat dan lain-lain.

v. *Al-`Uqūbāt* (العقوبات); Hukum berkaitan hukuman terhadap penjenayah, menjaga keamanan dan undang-undang seperti hukuman ke atas jenayah bunuh, mencuri, minum arak dan sebagainya.

vi. *Al-Siyar* (السير); hukum berkaitan hubungan diplomatik antara negara Islam dengan negara luar di dalam situasi perang atau aman dan sebagainya.

vii. *Al-Adab wa al-Akhlāq* (الأدب والأخلاق); Hukum berkaitan akhlak dan kesopanan, kecantikan dan keaiban dan sebagainya.

2.4.1. Pengajian Fiqh Dalam Kurikulum Pendidikan Islam Di Malaysia

Pendidikan Islam merupakan pendidikan asas dalam pendidikan tradisional di Tanah Melayu[86] dan menjadi asas kepada pembentukan sistem Pendidikan di Malaysia. Kedatangan Islam ke Alam Melayu khususnya Tanah Melayu telah mewujudkan tradisi keilmuan dalam tamadun Melayu dengan adanya tradisi pendidikan yang cemerlang dan tersusun[87]. Secara kasarnya sistem pendidikan agama di Malaysia terbahagi kepada 4 tahap[88];

[86] Mok Soon Sang, *Falsafah Pendidikan Di Malaysia*, Edisi Ketiga (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. 2012), 3.
[87] Mohd. Koharuddin B. Mohd. Balwi, "Tradisi Keilmuan Dan Pendidikan Dalam Tamadun Melayu Di Nusantara", laman sesawang *Fakulti Pengurusan UTM* dicapai 15 Januari 2013, http://www.fppsm.utm.my/download/doc_view/97-tradisi-keilmuan-dan-pendidikan-dalam-tamadun-melayu-di-nusantara.html
[88] Dr. Sobri Salamon dan Dr. Haron Din, *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah (Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia), 1988), 16.

i. Sistem belajar di rumah guru

ii. Sistem pondok

iii. Sistem Madrasah

iv. Sistem sekular / Dasar Pelajaran Kebangsaan (melalui sekolah di bawah KPM atau Jabatan Agama Islam Negeri)[89].

Merujuk kepada pengajian fiqh secara khusus, ianya bermula seawal kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Pengajian fiqh di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu telah bemula secara tidak formal di mana golongan dewasa lelaki dan perempuan hadir ke surau dan masjid untuk belajar membaca al-Qur'an dan tajwid, tafsir al-Qur'an, hadis, fikah dan tauhid daripada guru-guru yang terdiri daripada imam dan haji yang kadangkala berketurunan Sayid dan Syeikh[90]. Selain itu, adalah menjadi tradisi masyarakat Melayu untuk memberi kepercayaan kepada guru agama apabila anak mereka mencapai umur lima atau enam tahun untuk mengajar al-Qur'an dan perkara asas dalam agama[91]. Abdul Rahman Haji Abdullah dalam hal ini telah menyatakan bahawa pendidikan Islam di Malaysia yang telah bermula sejak sekian lama dahulu adalah berasaskan kepada kitab-kitab berbahasa Arab karangan ulama-ulama terkenal seperti *al-Dur al-Manẓūm* oleh Abu Ishak al-Shīrazi, *Ihya' `Ulūm al-Dīn* oleh Al-Ghazali, dan *Minhāj al-Tālibīn* oleh al-Nawawī[92].

Pengajian fiqh secara aktif bermula pada abad ke-19 melalui zaman kegemilangan institusi pondok. Institusi pondok yang boleh dianggap sebagai instiutisi pengajian Islam

[89] Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Panduan Penyeliaan Pendidikan Islam Sekolah Rendah* (Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992), 2.

[90] Sufean Hussin, *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2008), 1-2.

[91] Rosnani Hashim, *Educational Dualism In Malaysia: Implications For Theory And Practice*, 2nd Edition (Selangor: The Other Press, 2004), 22.

[92] Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional* (Penerbitan Pena Sdn. Bhd., 1989), 145.

peringkat menengah pada masa itu telah menekankan pengajian fiqh sebagai salah satu subjek utama di samping mata pelajaran al-Qur'an, tafsir, hadis, tauhid, nahu, saraf dan tasawwuf sebagai kurikulumnya[93]. Mohd. Pakhruddin Abdullah telah membahagikan pengajian fiqh di dalam sistem pondok kepada tiga peringkat iaitu (i) peringkat permulaan, untuk pelajar baru yang mempelajari asas-asas akidah dan hukum Islam dengan menggunakan kitab jawi yang rendah dan mudah (ii) peringkat pertengahan, bagi pelajar-pelajar yang telah mempunyai asas-asas pengetahuan Islam dan (iii) peringkat tinggi, khusus untuk pelajar yang lebih berkemampuan untuk mengikuti ilmu yang lebih tinggi dan mendalam dengan menumpukan kepada kitab-kitab berbahasa Arab di samping menekankan pengajian nahu dan saraf sebagai ilmu bantu. Kebanyakan kitab-kitab adalah hasil karangan ulama-ulama dari zaman *mutaqaddimīn* dan *muta`akkhirīn*. Pada setiap peringkat pelajar menggunakan bahan rujukan atau kitab yang berbeza merujuk kepada tahap dan kemampuan mereka dalam memahami isi pelajaran dan kitab yang dipelajari[94].

Sistem pengajian pondok yang bersifat '*umūmī*'[95] berdasarkan kepada metod syarahan, hafalan, membaca teks, muzakarah, menyalin teks yang juga dikenali sebagai menadah kitab[96] cuba diberi nafas baru oleh tokoh-tokoh gerakan Islah seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki dengan melahirkan sistem madrasah yang lebih sistematik dan lebih formal dari sistem pondok pada awal kurun ke-20[97]. Ini bagi membaiki kelemahan yang wujud di dalam sistem pondok dari segi sukatan pelajaran yang

[93] Abdul Halim el-Muhammadi, "Pengaruh Mazhab Syafie Dan Masalah Khilaf Di Malaysia", dalam Kertas Kerja Seminar Perundangan, Universiti Kebangsaan Malaysia, (8-10 Ogos 1981), 5, lihat juga Mok Soon Sang, *Falsafah Pendidikan Di Malaysia*, Edisi Ketiga, (Shah Alam: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2012), 4.

[94] Mohd Pakhruddin Bin Abdullah, "Pengajian Ilmu Fiqh Di Pondok Pasir Tumboh: Satu Kajian Terhadap Metodologi Dan Keberkesanannya", (Disertasi Sarjana Usuludin, Jabatan Sejarah Dan Tamdun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 85-90.

[95] Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi Dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & j-Qaf* , 409.

[96] Rosnani Hashim, *Educational Dualism In Malaysia*, 26.

[97] Ahmad Mohd. Salleh, *Kurikulum, Metodologi Dan Pedagogi Pengajian Islam*, 411.

mana tiada sukatan pelajaran tertentu, setiap judul dalam satu kitab dibaca dari awal hingga akhir, masa yang diambil lama serta terdapat pengulangan dan pertindihan topik kerana tiada perancangan dan hala tuju[98].

Di dalam kurikulum madrasah, mata pelajaran Pendidikan Islam sudah tidak lagi tertumpu kepada soal-soal ibadah dan tauhid semata-mata, tetapi lebih komprehensif dengan dimasukkan mata pelajaran-mata pelajaran yang dianggap berguna dalam Pendidikan Islam, seperti bahasa Arab, hisab, geografi dan lain-lain mata pelajaran yang boleh menolong pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang sempurna[99].

Merujuk kepada perlaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di bawah KBSR, pengajian fiqh di peringkat ini adalah berdasarkan kepada skop yang telah ditetapkan bagi tujuan pemupukan amalan fardu ain dan fardu kifayah yang dituntut oleh syariat Islam[100] di samping memberi tumpuan untuk memberi pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah SWT dan perlaksanaannya[101]. Berdasarkan kepada Sukatan Pelajaran KBSR: Pendidikan Islam, pengajian fiqh di peringkat rendah adalah tertumpu kepada bahagian ibadah semata-mata merangkumi pelajaran berkaitan konsep ibadah, bersuci, solat, azan dan iqamah, solat berjemaah, solat Jumaat, puasa, solat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha dan solat jenazah[102]. Pembahagian bagi pelajaran fiqh di dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah adalah seperti berikut;

---

[98] Abdullah Muhammad Zain, Zulkiplie Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Hj. Don, *Pendidikan Islam Di Malaysia; dari Pondok Ke Universiti* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 27.
[99] Dr. Sobri Salamon dan Dr. Haron Din, *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*, 19.
[100] Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002), 1
[101] *ibid.*, 3.
[102] *Ibid.*, 11-13

Jadual 2.2: Metrik Kandungan Pelajaran Fiqh Dalam Sukatan Pelajaran KBSR, Pendidikan Islam

Pelajaran	**Unit/ Isi Pelajaran**
1. Konsep ibadah	a. Pengertian b. Jenis-jenis ibadah c. Fardu Ain dan Fardu Kifayah d. Jenis-jenis hukum (wajib, sunat, makruh, haram dan harus)
2. Bersuci	a. Pengertian b. Tanggungjawab bersuci c. Istinja` d. Bersuci daripada najis;- i. Ringan ii. Sederhana iii. Berat e. Bersuci daripada hadas;- i. Hadas kecil ii. Hadas besar f. Tayammum i. Tatacara bertayammum ii. Syarat-syarat tayammum iii. Perkara yang membatalkan tayammum
3. Solat	i. Pengertian ii. Solat fardu ain iii. Bacaan-bacaan dalam solat dan terjemahannya;- i. Takbiratul ihram ii. Surah al-fatihah iii. Doa iftitah iv. Ketika ruku` v. Ketika `itidal vi. Ketika sujud vii. Duduk antara dua sujud viii. Tahiyyat awal dan akhir ix. Doa qunut iv. Perlakuan solat (rukun fi`li) dan hikmah-hikmahnya v. Perkara-perkara yang membatalkan solat vi. Rukun-rukun vii. Syarat-syarat wajib viii. Syarat-syarat sah ix. Sunat ab`adh dan haiah
4. Azan dan iqamah	
5. Solat berjemaah 6. Solat Jumaat 7. Ibadah puasa Ramadhan	
8. Solat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha 9. Solat Jenazah	

Sumber: JAPIM, *Sukatan Pelajaran KBSR, Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: JAPIM, 2002)

Pengajian fiqh kepada murid seterusnya dipertingkat dan diperkukuhkan di peringkat menengah dengan diberi pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam dalam bahagian ibadah serta beberapa penambahan pelajaran merangkumi bahagian-bahagian lain dalam pengajian fiqh termasuk mu`amalah, perkahwinan dan kekeluargaan serta kehakiman dan perundangan Islam[103]. Pada peringkat menengah, pelajaran-pelajaran dalam bahagian ibadah merupakan kesinambungan daripada apa yang ada dalam kurikulum sekolah rendah dengan menumpukan kepada pelajaran berkaitan konsep ibadah, bersuci, solat, puasa dan penambahan kepada pelajaran berkaitan zakat, haji dan umrah, sembelihan, korban dan akikah, mu`amalah, perkahwinan dan kekeluargaan[104]. Pada peringkat ini, pengajian fiqh adalah lebih mendalam sesuai dengan peringkat umur pelajar dan pelajar diberi pilihan di peringkat menengah atas untuk mempelajari fiqh dengan lebih mendalam dengan mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Pendidikan Syariah Islamiah merangkumi bidang akidah, sejarah perundangan Islam, usul fiqh, ayat-ayat dan hadis-hadis hukum, serta fiqh[105].

2.5. PDP Berkesan Dan Penguasaan Istilah Fiqh

Pengajaran ialah sesuatu tugasan dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Ia dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti untuk dilaksanakan dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperoleh ilmu

[103] Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002), 11-13. Lihat juga, _____. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pendidikan Syari`ah Islamiah* (Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002), 13-14.

[104] *Ibid., Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pendidikan Islam*

[105] *Ibid., Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pendidikan Syari`ah Islamiah*, 4

pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan[106]. Ia merupakan satu bentuk hubungan dua hala interaksi antara guru dengan murid yang melibatkan komunikasi dan interaksi yang dinamik dan mempunyai objektif tertentu yang ditetapkan[107]. Segala aktiviti pengajaran guru seharusnya bertujuan menimbulkan pembelajaran dalam kalangan murid[108] dan hasil daripada pengajaran tersebut membawa perubahan yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk yang eksplisit ataupun implisit[109]. Slavin dalam hal ini telah menggariskan empat komponen utama berkaitan pengajaran guru iaitu kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*insentive*) dan masa (*time*)[110]:

Sementara pembelajaran pula adalah perubahan tingkah laku yang melibatkan keterampilan kognitif iaitu penguasaan ilmu dan perkembangan kemahiran intelek[111] hasil daripada latihan dan pengalaman dan perubahan tingkah laku yang melalui pembelajaran mempunyai ciri berkekalan[112]. Merujuk kepada proses pembelajaran murid, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi proses tersebut antaranya kesediaan, motivasi, pengamatan (persepsi) dan penanggapan (pembentukan konsep) serta ingatan dan lupaan[113].

---

[106] Mok Soon Sang, *Prinsip Teras Pengajaran Dan Pembelajaran* (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2012), 7.

[107] Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri & A`dawiyah Ismail, "Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam", laman sesawang *ipislam.edu.my*, dicapai 18 Julai 2013, http://www.ipislam.edu.my/uploaded/PKPI2012/30%20PEMBELAJARAN%20AKTIF%20DALAM%20PENDIDIKAN%20ISLAM.pdf

[108] Sharifah Alwiyah Alsagof, *Ilmu Pendidikan: Pedagogi* (Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) LTD., 1983), 108.

[109] Dr. Noor Hisham Md Nawi, "Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden", laman sesawang *umk.edu.my*, dicapai 15 Julai 2013, http://umkeprints.umk.edu.my/111/1/P%26P%20Penelitian%20semula%20menurut%20GIIM.pdf

[110] Robert E. Slavin , "A Model of Effective Instruction", laman sesawang *Behavioral Institute*, dicapai 7 Mac 2013, http://www.behavioralinstitute.org/FreeDownloads/Education_General/A%20Model%20of%20Effective%20Instruction_Slavin.pdf, 2.

[111] Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan, *Psikologi Pendidikan*, 154.

[112] Mok Soon Sang, *Prinsip Teras Pengajaran Dan Pembelajaran*, 13.

[113] Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan, *Psikologi Pendidikan*, 162-172.

Hakikatnya perbincangan tentang penguasaan murid terhadap istilah fiqh berkait rapat dengan penguasaan sesuatu pelajaran atau isi pelajaran dan ia bergantung kepada beberapa faktor meliputi proses pengajaran yang melibatkan guru dan pembelajaran yang melibatkan pelajar[114]. Di sini keberkesanan sesuatu proses pdp adalah berkait rapat dengan guru itu sendiri serta kaedah yang digunakan di dalam kelas[115]. Kaedah pengajaran merupakan alat penyambung atau penggerak dua hala iaitu dari guru dan murid yang mana sifatnya sentiasa berinteraksi dan saling mempengaruhi[116].

Secara umumnya guru berperanan mendidik iaitu berusaha mengembangkan seluruh potensi murid samada potensi psikomotor, kognitif atau efektif[117] melalui proses pdp yang berkesan. Proses pdp merupakan elemen penting dalam memastikan para pelajar dapat mengikuti isi kandungan subjek yang disampaikan[118]. Bagi menghasilkan pdp berkesan beberapa aspek berkaitan guru dan kaedah pengajaran mereka perlu diberi perhatian, antaranya:

i. Penggunaan teknologi terkini

Penggunaan teknologi terkini menjadikan pdp Pendidikan Islam menarik dengan penggunaan kaedah multimedia dalam pendidikan yang menggabungkan teks, kesan bunyi, vokal, muzik, animasi, video berserta perisian komputer yang interaktif[119]. Dalam hal ini, kefahaman penggunaan ICT dengan efektif dan efisien yang mampu membina dan mengeluarkan idea baru dalam pembelajaran dilihat begitu penting bagi membolehkan

[114] Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan, *Psikologi Pendidikan*, 152.
[115] Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 59.
[116] Hj. Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995), 66.
[117] Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep *Mu`allim*", 44.
[118] Muhd Fauzi Aminuddin et al., "Ciri-ciri Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan", laman sesawang *www.ukm.my*, dicapai 19 Mei 2014, http://www.ukm.my/p3k/images/sppb08/a/13.pdf
[119] Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 59-60.

murid bermotivasi untuk menjelajah isi pembelajaran dan seterusnya memperkayakan proses pembelajaran mereka[120].

ii. PdP interaktif

PdP interaktif melibatkan; i) interaktif antara guru dan murid, ii) interaktif guru dengan bahan pengajaran, ii) interaktif murid dengan bahan pengajaran dan iv) interaktif murid dengan murid[121].

iii. Kaedah dan teknik pengajaran

Guru disarankan agar lebih kreatif untuk mempelbagaikan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan menggunakan BBM yang bersesuaian[122]. Sistem, kaedah dan teknik pdp yang teratur adalah sangat diperlukan kerana ia dapat menarik minat murid-murid dan memudahkan mereka untuk memahami Pendidikan Islam[123]. Dalam hal ini, seorang guru mesti mempunyai kemahiran yang cukup serta cekap dalam menggunakan sesuatu kaedah di samping dapat menyesuaikan kaedah dengan kehendak dan kehidupan manusia (murid) yang dinamik[124]. Memetik pandangan Al-Syaibānī dalam *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, Abdullah Ishak menegaskan bahawa kaedah yang baik dapat membantu murid memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran, mengubah sikap dan tingkah laku serta menanamkan minat dan nilai-nilai yang diingini[125].

---

[120] Abdul Said Ambotang, "Inovasi Teknologi ICT Dan Multimedia Dalam Pendidikan", dalam *Pengetahuan Pedagogi Guru*, ed. Mohd. Yusof Abdullah et al., (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009), 175.
[121] Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 61.
[122] *Ibid.,* 68.
[123] Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004), 231.
[124] Ahmad Mohd. Salleh, *Kurikulum, Metodologi Dan Pedagogi Pengajian Islam*, 105.
[125] Hj. Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*, 66, lihat juga; Dr. Omar al-Syaibany, *Falsafah Pendidikan Islam*, terj. Prof. Dr. Hasan Langgulung (Shah Alam: Hizbi, 1991), 595-627.

iv. Kemahiran khusus Pendidikan Islam

Kemahiran khusus Pendidikan Islam merupakan aspek utama yang dapat menarik minat murid semasa pdp. Merujuk kepada pandangan Ibn Suḥnūn dalam *Kitāb Ādāb al-Mua`allimīn*, Gamal Abdul Nasir dalam hal ini telah menggariskan beberapa aspek yang harus dimiliki oleh seorang guru mencakupi kemahiran al-Qur'an, ilmu fiqh terutama berkaitan solat dan bersuci serta sunnah-sunnah Rasulullah SAW, ilmu nahu, khat (kaligrafi), membaca kitab-kitab turath sebagai sumber ilmu dan bagi memberi pemahaman kepada murid[126].

v. Personaliti dan profesionalisme guru

Guru merupakan *murabbi*, *mu`allim*, *muaddib*, *mudarris*, alim atau ulama dan merupakan individu yang diberikan kedudukan yang tinggi di dalam agama dan masyarakat. Di sini para guru harus sedar peranan dan tanggungjawab yang dipikul dalam menyampaikan amanah Allah dan bukan merupakan suatu tugas yang ringan. Dari sudut personaliti seorang guru perlulah mempunyai sifat-sifat zuhud, kebersihan diri (*ẓāhiriyyah* dan *bāṭiniyyah*), bertindak menjaga kehebatan dan kehormatan diri, bertindak sebagai bapa dalam menghadapi muridnya dan bertindak memahami tabiat murid[127]. Sementara dari aspek profesionalisme, guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidangnya, cekap dan pakar dalam bidang pendidikan, mematuhi kod etika perguruan serta diiktiraf secara formal dan tidak formal dalam masyarakat[128].

Seterusnya dalam memastikan proses pdp yang berkesan, seorang guru perlu sentiasa bersedia samada dari segi mental dan fizikal merangkumi aspek psikologi dan

[126] Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam* (Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005), 48, lihat juga; Muḥammad bin Suḥnūn, *Kitāb Adāb al-Mu`allimīn*, ed. Ḥasan Ḥusnī `Abd al-Wahhāb (Tūnis:Manshūrāt Dār al-Kutub al-Sharqiyyah, 1972)
[127] Ahmad Mohd. Salleh, *Kurikulum, Metodologi Dan Pedagogi Pengajian Islam*, 425-426.
[128] Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 71.

pedagogi bagi memungkinkan proses pdp yang lebih efektif dan efisyen. Bagi tujuan meningkatkan keberkesanan amalan pdp guru, Shahril @ Charil bin Hj Marzuki di dalam kajiannya telah mencadangkan agar guru[129];

i. Merancang pengajaran terlebih dahulu, pelbagaikan kaedah pengajaran, gunakan ABM, kaitkan isi pelajaran baru dengan pengalaman pelajar.

ii. Mempastikan ketepatan isi pelajaran, dan menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah di fahami.

iii. Pengajaran guru mesti menarik minat dan menyeronokkan pelajar supaya akan terus belajar.

iv. Menggunakan pelbagai kemahiran berfikir seperti menganalisis, sintisis dan mencerakin dan lain lagi.

v. Memberi latihan dan kerja-kerja rumah kepada pelajar.

vi. Mengajar mengikut aras kebolehan pelajar.

vii. Meletakkan harapan yang tinggi terhadap pencapaian pelajar dan beri semangat kepada pelajar supaya belajar bersungguh -sungguh.

viii. Memastikan ketepatan fakta dan mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar dan penguasaan bahan yang berkaitan.

[129] Shahril @ Charil Bin Haji Marzuki, "Amalan Pengajaran Guru Yang Berkesan: Kajian di Beberapa Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan Dan Selangor", 13.

2.6. Isu-Isu Berkaitan Kajian

Tinjauan seterusnya menjurus kepada beberapa isu yang dibincangkan sebelum ini berkaitan penggunaan istilah-istilah berkaitan agama dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia. Antaranya ialah hasil pembentangan kertas kerja oleh Rosnah Tahar di dalam *International Conference Islamic Education* (29 Nov - 1 Dec 2010) : Subang Jaya. Beliau di dalam kajiannya telah melihat berlakunya salah tanggapan atau miskonsepsi pelajar terhadap istilah-istilah Arab Islam yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam dan ia memberi kesan negatif terhadap proses penyampaian mata pelajaran pendidikan Islam serta menjejaskan kefahaman mereka terhadap agama Islam itu sendiri[130].

Seterusnya Abdul Rahman Rukaini di dalam rencananya bertajuk '*Pencemaran Istilah Agama Islam'* telah menghuraikan kesan penggunaan tulisan rumi serta sistem ejaan baru terhadap istilah-istilah Agama Islam sehingga menyebabkan istilah tersebut lari dari konsep sebenar yang dikehendaki malah menampakkan penyongsangan tradisi ilmu Islam[131].

Mat Yusof b. Abd Rahman & Ameer Azeezy b. Tuan Abdullah pula di dalam artikel bertajuk '*Kesilapan Penggunaan Istilah Agama Dalam Penulisan Dan Pertuturan Seharian'* telah melihat kecenderungan masyarakat dalam menggunakan istilah-istilah agama baik dalam penulisan dan pertuturan tanpa mengetahui selok belok sebenar berkaitan istilah tersebut sehingga membawa kepada kesalahan dari tatabahasa dalam menulis dan menyebut istilah tersebut. Selain itu terdapat juga kesilapan dalam

[130]Rosnah Tahar(2010), "Salah Tanggapan Dan Miskonsepsi Pelajar Terhadap Istilah Arab Islam", dalam *International Conference Islamic Education (29 Nov - 1 Dec 2010 : Subang Jaya). Proceedings*, ed. Ab. Halim Tamuri et al. (Bandar Baru Bangi : Persatuan Intelektual Muslim Malaysia, 2010), 583.
[131] Abdul Rahman Rukaini, "Pencemaran Istilah Agama Islam" dalam *Ke Arah Pembentukan Istilah Yang Sempurna,* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992) ,300-301.

menterjemah istilah-istilah sehingga menjadikannya lari dari makna dan tujuan sebenar istilah tersebut digunakan[132].

Awang Mohammad Amin dalam tulisannya bertajuk '*Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu: Satu Penilaian Semula'*, telah menjelaskan bahawa kata pinjaman Arab yang tergolong ke dalam istilah Agama Islam jika disebutkan dengan kaedah sebutan bahasa Melayu, maka makna asalnya mungkin berubah dengan penyelewengan dari segi semantiknya. Hal ini boleh menambah kekacauan dalam penyebaran agama Islam dalam kalangan orang yang memahami bahasa Melayu kini tanpa pengetahuan bahasa Arab yang memuaskan[133].

2.7. Kajian-Kajian Lepas

Kajian berkaitan yang menjurus khusus kepada penguasaan istilah fiqh dalam kalangan murid masih kurang dilakukan dan setakat ini hanya terdapat satu kajian yang dikenal pasti berkaitan permasalahan tersebut. Kebanyakan kajian lain yang dikenalpasti adalah dari bidang kajian bahasa dan linguistik yang lebih memfokuskan kepada aspek perbendaharaan kata Arab bagi Mata Pelajaran Bahasa Arab samada di peringkat sekolah rendah, menengah ataupun institusi pengajian tinggi. Untuk tujuan tersebut, penyelidik akan cuba menilai beberapa kajian yang berkaitan untuk dijadikan landasan kepada kajian yang akan dilakukan.

[132] Mat Yusof b. Abd Rahman & Ameer Azeezy b. Tuan Abdullah, "Kesilapan Penggunaan Istilah Agama Dalam Penulisan Dan Pertuturan Seharian", *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia* (ILIM), Bil. 3.2010/1431, (Bangi: Institut Latihan Islam Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2010), 141-156.
[133] Awang Mohammad Amin, "Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu: Satu Penilaian Semula", dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 37. Bil. 1(Januari 1993), 49-58.

Berkaitan penguasaan murid terhadap istilah / perbendaharaan kata Arab, Kajian Wan Zahari Wan Mahmud berkaitan *Penguasaan Perbendaharaan Kata Arab Dalam Pendidikan Syariah Islamiah: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin Melaka*[134], merupakan kajian yang hampir sama dengan apa yang akan dilakukan oleh pengkaji. Beliau memfokuskan kepada aspek penguasaan murid terhadap perbendaharaan kata Arab yang terdapat Pendidikan Syariah Islamiah merangkumi semua topik dan bidang *`Aqidah*, Sejarah Perundangan Islam, *Usul* Fiqh, Ayat Hukum, Hadith Hukum, dan Fiqh. Dengan menggunakan metod temubual dan soal selidik, kajian ini mensasarkan kepada tiga objektif utama iaitu (i) mengenalpasti perbendaharan kata Arab yang ada dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (ii) mengenalpasti tahap penguasaan murid terhadap perbendaharaan kata Arab dan (iii) menganalisa prestasi pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Hasil daripada kajian beliau mendapati pelajar tidak menguasai perbendaharaan kata Arab dan perkara ini dikaitkan dengan beberapa faktor melibatkan minat pelajar, sumber rujukan, keberkesanan pdp guru, kaedah pengajaran dan bahan pdp.

Selain dari itu, kebanyakan kajian adalah tertumpu kepada penguasaan perbendaharaan kata dan kosa kata Arab dan menjurus kepada kajian terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Antaranya adalah kajian oleh Rahim @ Saleh b. Ramly, *Penguasaan Perbendaharaan Kata Arab Dalam kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program j-QAF: Satu Kajian Kes*[135], Saifuddin Hussin, *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Dalam kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 3: Satu*

[134] Wan Zahari Wan Mahmud, "Penguasaan Perbendaharaan Kata Arab Dalam Pendidikan Syariah Islamiah: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka", (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011)

[135] Rahim @ Saleh b. Ramly, "Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program j-QAF: Satu Kajian Kes" (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka[136], Norazida Ibrahim, *Penguasaan Kata Nama Bahasa Arab Dalam kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama*[137] dan Hashim Mat Zin, *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*[138]. Kajian mereka yang memfokuskan terhadap aspek penguasaan bahasa Arab dan hubungannya dengan pengajaran dan pembelajaran guru telah mendapati wujudnya masalah penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam kalangan murid. Perkara ini dikaitkan dengan faktor yang melibatkan guru dan murid. Dari aspek murid, faktor minat dan tanggapan murid terhadap sesuatu mata pelajaran diambil kira. Sementara bagi guru, didapati aspek pdp guru memainkan peranan penting dengan mengemukakan teknik pengajaran yang berkesan bagi menarik minat murid seperti menggunakan kemudahan ICT dan kepelbagaian aktiviti. Selain peranan pentadbir termasuk Jabatan Pengajian Islam Dan Moral (JAPIM) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga disebut sebagai pihak yang memberi sokongan dan galakan dan membantu guru untuk meghidukan suasana persekitaran pdp bahasa Arab yang berkesan.

Tinjauan seterusnya adalah tertumpu kepada kajian-kajian yang telah dibuat sebelum ini berkaitan aspek penggunaan istilah bahasa Arab di dalam Bahasa Melayu. Antaranya ialah kajian oleh Zuraini bt. Hamisan @ Khair, *Peminjaman Istilah Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu; Satu Kajian Kes*[139], Asmah Hj. Omar, *Bahasa Melayu Abad*

[136] Saifuddin Hussin, "Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 3: satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka" (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).
[137] Norazida Ibrahim, "Penguasaan Kata Nama Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama" (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).
[138] Hashim Mat Zin, "Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes" (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).
[139] Zuraini bt. Hamisan @ Khoir, "Peminjaman Istilah Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu; Satu Kajian Kes" (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).

Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu `Aqaid Al-Nasafi[140] dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Pendekatan Nur Al-Din Al-Raniri Dalam Pembentukan Dan Penterjemahan Istilah Melayu Islam*[141] yang menjelaskan berkaitan pengaruh Arab terhadap penggunaan istilah-istilah berkaitan agama dan peranan ilmuan Islam Melayu dalam proses perkembangan istilah-istilah tersebut. Penilaian mereka adalah berdasarkan kepada kajian dari aspek dan metodologi kajian bahasa.

Sementara itu Jamaluddin Bin Hashim, *Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitab Al-Taharah Dan Al-Salah): Teks Dan Analisis*[142], dan Mohd Roslan Mohd Nor, *Aspek* Fiqh *Dalam Kitab Ulama` Alam Melayu Minhat Al-Qarib Al-Mujib Wa Mughni Al-Raghibin Fi Al-Taqrib Oleh Syeikh Wan Abdul Samad Bin Mohammad Salleh (Tuan Tabal): Satu Analisis*[143] dalam kajian mereka telah melihat wujudnya pengaruh Arab terhadap gaya penulisan teks Melayu Jawi, termasuk penggunaan istilah-istilah Arab yang digunakan secara langsung tanpa sebarang penterjemahan.

Berdasarkan kepada tinjauan yang dilakukan, didapati belum ada sebarang kajian yang menumpukan kepada penguasaan istilah fiqh secara khusus. Merujuk kepada kajian yang telah dilakukan oleh Wan Zahari Wan Mahmud, jelasnya kajian beliau adalah secara umum di dalam bidang Pengajian Syariah dan tertumpu kepada pendidikan di peringkat menengah yang nyata berbeza dari segi kaedah dan pendekatan pengajaran dan

---

[140] Asmah Hj. Omar, *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu `Aqaid Al-Nasafi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, , 1991).

[141] Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Pendekatan Nur Al-Din Al-Raniri Dalam Pembentukan Dan Penterjemahan Istilah Melayu-Islam" (Seminar Kebangsaan Bahasa Dan Pemikiran Melayu: Kecemelangan Melayu Dalam Era Teknologi Maklumat Dan Komunikasi, (18-19 Jun 2002), Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

[142] Jamaluddin Bin Hashim, "Kitab *Al-Sirat Al-Mustaqim* Karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitab *Al-Taharah* Dan *Al-Salah*)*:* Teks Dan Analisis" (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

[143] Mohd Roslan Mohd Nor, "Aspek Fiqh Dalam Kitab Ulama` Alam Melayu *Minhat Al-Qarib Al-Mujib Wa Mughni Al-Raghibin Fi Al-Taqrib* Oleh Syeikh Wan Abdul Samad Bin Mohammad Salleh (Tuan Tabal): Satu Analisis Awal", dalam *Jurnal Pengajian Melayu* Jil. 20 (2009), 210-211.

pembelajarannya. Atas dasar itu kajian ini dilihat perlu bagi memberikan satu sudut pandang yang mungkin berbeza daripada kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini.

2.8. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, penguasaan murid terhadap sesuatu ilmu khususnya berkaitan istilah-istilah fiqh sebagaimana cuba dikupas oleh penyelidik secara teori dan amalinya adalah tertakluk kepada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Berdasarkan kepada pembentukan kurikulum Pendidikan Islam di peringkat sekolah, sewajarnya tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh berada pada tahap yang memuaskan merujuk kepada kepentingannya dalam proses membentuk kefahaman murid secara menyeluruh terhadap Syariah Islam terutamanya berkaitan ibadah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan tentang bagaimana kajian ini dijalankan. Perkara ini merangkumi perbincangan berkaitan reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, pengumpulan, pengurusan dan penganalisaan data, prosuder menjalankan kajian serta keesahan dan kebolehpercayaan kajian. Penjelasan ini adalah penting bagi memahami bagaimana kajian ini dilaksanakan sehingga memperolehi natijah yang akan dinukilkan dalam bab-bab yang seterusnya.

3.2. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah berfungsi sebagai panduan dalam sesuatu penyelidikan untuk mencapai jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. Reka bentuk melibatkan beberapa aspek penyelidikan seperti permasalahan, strategi dan perkaitan sebab akibat. Reka bentuk juga akan menetapkan unit analisis, populasi, persampelan, variabel, cara pengukuran, pengumpulan dan penganalisisan data[144].

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan murid sekolah rendah di dalam Zon Pudu terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR. Di sini kajian akan menumpukan kepada aspek pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh serta faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran murid.

[144] Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*(Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003), 25.

Justeru kajian ini akan memberi tumpuan kepada perbincangan berkaitan istilah fiqh, penguasaan murid terhadap istilah fiqh serta hubungan pdp dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah fiqh. Bagi tujuan tersebut teori berkaitan pdp dijadikan sandaran bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Antaranya ialah model pengajaran berkesan (*QAIT Model: Elements Of Instructions And Student Achievment*) [145] oleh Robert E. Slavin yang digunakan sebagai panduan bagi membina kerangka konseptual kajian.

Berdasarkan kepada persoalan kajian, secara umumnya kajian ini merupakan kajian deskrepktif bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang berlaku[146] serta mengenalpasti perhubungan antara dua pemboleh ubah[147]. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) untuk mengumpul data. Kaedah tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat dan mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena[148]. Ringkasan bagi reka bentuk kajian ini adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam metrik pengumpulan data, kaedah / sumber kutipan data, kaedah analisis dan hasil & kegunaan maklumat mengikut soalan kajian pada jadual 3.1.

[145] Robert E. Slavin , "A Model of Effective Instruction", laman sesawang *Behavioral Institute*, dicapai 7 Mac 2013, http://www.behavioralinstitute.org/FreeDownloads/Education_General/A%20Model%20of%20Effective%20Instruction_Slavin.pdf

[146] Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 96.

[147] Mok Soon Sang , *Penyelidikan Dalam Pendidikan; Perancangan Dan Perlaksanaan Penyelidikan Tindakan* (Selangor:Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2010), 22.

[148] Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan,* 102

Jadual 3.1: Metrik Pengumpulan Data, Kaedah/ Sumber Kutipan Data, Kaedah Analisis dan Hasil & Kegunaan Maklumat Mengikut Soalan Kajian

Soalan kajian	Data yang dikutip	Kaedah/ Sumber kutipan data	Kaedah analisis	Hasil dan kegunaan maklumat
Soalan 1 Apakah tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks P. Islam KBSR.	Keputusan ujian bertulis /Tahap penguasaan murid terhadap istilah fiqh	Ujian bertulis/ soal selidik Murid tahun 5 sekolah-sekolah zon Pudu W/P Kuala Lumpur	Frekuensi/ peratusan/ min/ sisihan piawai	Peratus pencapaian murid/ kekerapan jawapan berdasar tahap kognitif Menilai tahap penguasaan murid
Soalan 2 Adakah murid mempunyai persepsi yang positif terhadap istilah-istilah fiqh yang diajar oleh guru	Tahap persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat dalam buku teks P. Islam KBSR	Soal selidik/ Temubual (berstruktur) Guru-guru P. Islam di zon Pudu W/P Kuala Lumpur / Pemerhatian Proses pengajaran guru di dalam kelas	Frekuensi/ peratusan/ min/ sisihan piawai	Taburan Kekerapan/ skor min Menilai persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh
Soalan 3 Apakah persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam kelas	Tahap persepsi murid terhadap pengajaran guru /Kualiti pengajaran (*quality of instruction)*, kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*) dan masa *(time*)	Soal selidik / Pemerhatian / Dokumen berkaitan	Frekuensi/ peratusan/ min/ sisihan piawai	Taburan kekerapan/ skor min Menilai persepsi murid terhadap pengajaran guru/ skor min
Soalan 4 Apakah hubungan antara persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh dengan penguasaan istilah-istilah tersebut	Tahap persepsi murid terhadap kualiti pengajaran guru, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa	Soal selidik / Temubual / Pemerhatian / Dokumen	Korelasi/ Spearmen Rho	Hubungan antara pemboleh ubah Nilai Pekali korelasi
Soalan 5 Apakah hubungan antara persepsi murid terhadap proses pengajaran guru dengan penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh	Hubungan antara pembolehubah	Soal selidik / Temubual / Pemerhatian / Dokumen	Korelasi/ Spearmen Rho	Hubungan antara pemboleh ubah Nilai Pekali korelasi

3.3. Pembolehubah Kajian

Data yang dikutip untuk dianalisis secara diskriptif diklasifikasikan kepada dua pembolehubah iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Kedua-dua pembolehubah ini ditunjukkan dalam jadual 3.2 berikut.

Jadual 3.2: Pemboleubah-Pembolehubah Yang Dikaji

Pembolehubah tidak bersandar	Pembolehubah bersandar
1. Persepsi murid terhadap istilah fiqh	1. Penguasaan murid terhadap istilah fiqh
2. Persepsi murid terhadap pengajaran guru di dalam kelas	

3.4. Populasi Dan Persampelan

Populasi kajian ini adalah murid Islam tahun 5 dan guru Pendidikan Islam yang secara umumnya terlibat dengan proses pdp mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR di zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah populasi dianggarkan seramai 2761 orang murid berdasarkan kepada jumlah murid Melayu di 54 buah sekolah rendah (termasuk SK/ SJKC/ SJKT) setakat 31 Oktober 2012[149]. Bagi guru Pendidikan Islam, dianggarkan seramai 130 orang Pendidikan Islam di dalam Zon Pudu[150].

Sementara persampelan pula adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Bagi tujuan ini,

[149] Data *EMES*, Unit HEM, PPD Pudu Bangsar, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
[150] Unit Akademik, PPD Pudu Bangsar, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

kaedah persampelan fasa (*stage sampling*) telah digunakan. Kaedah persampelan ini melibatkan pemilihan reponden dari sampel ke sampel[151]. Di dalam kajian ini yang melibatkan sekolah-sekolah dalam zon Pudu, penyelidik telah memilih secara rawak tujuh buah sekolah iaitu SK Bandar Tun Razak (1), SK Bandar Tun Razak (2), SK Pengkalan Tentera Darat, SK Taman Midah (1), SK Seri Permaisuri, SK Desa Tasik, dan SK Seri Tasik. Daripada tujuh buah sekolah ini, penyelidik memilih secara rawak 50 orang murid tahun 5 dari kelas yang berbeza bagi setiap sekolah. Ini menjadikan jumlah sampel yang dipilih mencecah 350 orang merujuk kepada populasi murid tahun 5 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam di dalam zon Pudu seramai 2761 orang. Saiz ini dianggap sesuai kerana mencapai tahap (95%) untuk kebolehpercayaan sesuatu sampel merujuk kepada matrix nombor rawak bagi tahap kepercayaan (*confidence level*) untuk sampel rawak[152].

Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970) sebagaimana berikut:

$$\mathbf{S= x^2\ NP(1-P) \div [\ d^2\ (N-1) + xP\ (1-P)]}$$

$$S=3.841(2761)(0.5)(0.5) \div [(0.05)^2(2760) + (3.841)(0.5)(0.5)]$$

$$=2651.25 \div [6.9 + 0.96025]$$

$$=2651.25 \div 7.86025$$

$$=337.298$$

Pemilihan sampel murid adalah berdasarkan kepada tiga kategori pencapaian murid iaitu cemerlang, sederhana, dan lemah. Proses pemilihan murid adalah berdasarkan kepada

[151] Mook Soon Sang, *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*, 90, rujuk juga Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*, 56

[152] Mook Soon Sang, *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*, 88, rujuk juga Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., "Determining Sample Size for Research Activities", *Educational and Psychological Measurement*, Vol. 30, (Duluth: University Of Connecticut, 1970), 607-610.

pemilihan yang dibuat guru Pendidikan Islam sekolah berkenaan berdasarkan kategori yang ditetapkan.

Sementara bagi tujuan temubual dan pemerhatian, kaedah persampelan bertujuan (*purposeful sampling*) telah digunakan di mana tujuh orang guru telah dipilih daripada tujuh buah sekolah di mana kajian dilakukan. Pemilihan guru sebagai sampel adalah kerana mereka merupakan individu yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dalam proses pdp serta mempunyai maklumat yang banyak berkaitan aspek yang dikaji. McMillan & Scumacher menegaskan bahawa penggunaan kaedah persampelan bertujuan (*purposeful sampling*) ini membolehkan penyelidik memilih sampel yang bersedia untuk memberi kerjasama, berpengetahuan tinggi dan mempunyai maklumat yang banyak berkaitan aspek yang dikaji[153].

Jadual 3.3: Taburan Guru dan Murid Bagi Setiap Instrumen Kajian Mengikut Sekolah

Jenis instumen/ Responden / Sekolah	Soal selidik	Pemerhatian	Temubual
	Murid	Guru	Guru
1. Sk. Bandar Tun Razak (1)	50	1	1
2. Sk. Bandar Tun Razak (2)	50	1	1
3. Sk. Taman Midah (1)	50	1	1
4. Sk. Seri Tasik	50	1	1
5. Sk. Seri Permaisuri	50	1	1
6. Sk. Desa Tasik	50	1	1
7. Sk. Pengkalan Tentera Darat	50	1	1

[153] McMillan, James H. & Sally Schumacher, *Research in Education : Evidence Based Inquiry*, 6th Ed. (Boston : Pearson/Allyn and Bacon, 2006), 319.

3.5. Pengumpulan Data

Pengumpulan data merujuk kepada bagaimana sesuatu data atau maklumat dapat diperolehi dan juga merupakan proses pengukuran pembolehubah (*variabel*)[154]. Data merupakan fakta, maklumat atau angka yang membolehkan kita membuat ringkasan tentang sesuatu (perkara yang menjadi kajian)[155].

Mohamad Nor menegaskan bahawa kajian yang baik adalah kajian yang menggunakan dua jenis data iaitu data primer (*primary*) dan data sekunder (*secondary*)[156]. Bagi tujuan kajian ini data primer (*primary*) adalah data kuantitatif yang dikumpulkan melalui ujian bertulis dan soal selidik. Sementara data sekunder (*secondary*) pula adalah data kualitatif yang yang dikumpulkan melalui temubual, pemerhatian dan dokumen.

3.5.1. Kaedah Pengumpulan Data

Pada dasarnya, kaedah yang diguna pakai adalah berkonsepkan metod bercampur (*mixed-method design*). Creswell di dalam Johnson, Onwuegbuzie & Turner, mentakrifkan metod bercampur ini sebagai reka bentuk atau metodologi di mana penyelidik mengumpul, menganalisa dan menggabungkan (menyepadukan atau menghubungkan) kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif dalam satu kajian atau pelbagai peringkat program penyelidikan[157]. Selain itu Creswell juga menegaskan bahawa, "*mixed-method designs as those that include at least one quantitative method (designed to collect numbers) and one qualitative method*

[154] Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*, 59
[155] Bhasah Abu Bakar, *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2007), 16
[156] Mohamad Nor Bin Mohamad Taib, *Model Guru Sebagai Penyelidik: Asas-Asas Menjalankan Kajian Di Sekolah* (Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan Dan Penyelididkan Dasar Pendidikan, 2000), 11
[157] R. Burke Johnson, Anthony J. Onwuegbuzie & Lisa A. Turner, "*Toward a Definition of Mixed Methods Research*", 119, laman sesawang Sage Journals, dicapai 18/6/ 2013, http://mmr.sagepub.com/content/1/2/112.abstract,

(designed to collect words), where neither type of method is inherently linked to any particular inquiry paradigm"[158].

Kaedah ini juga dikenali sebagai teknik *triangulasi*, di mana amalan penggunaan dua atau lebih kaedah kajian (*mixing method*) sebagai pendekatan *metodologikal pragmatisme*, samada dalam penyelidikan kuantitatif atau kualitatif[159]. Denzin dalam Johnson, Onwuegbuzie & Lisa telah mendefinasikan triangulasi sebagai kombinasi pelbagai metodologi dalam satu kajian yang sama fenomena[160]. Hartley & Cresworth menegaskan bahawa, jika seseorang penyelidik menggunakan teknik *triangulasi* dalam pengumpulan data, maka secara langsungnya kajiannya berbentuk kombinasi antara dua kaedah penyelidikan; kuantitatif dan kualitatif[161].

Penggunaan teknik triangulasi di dalam kajian merupakan usaha bagi mendapatkan data yang meyakinkan di samping mengenengahkan kepelbagaian cara yang inovatif bagi memahami fenomena dalam sesuatu penyelidikan[162].

Rajah 3.1: Pengumpulan Data Melalui Teknik Triangulasi



[158] Cresswell, John W., *Designing And Conducting Mixed Methods Research*, 2nd. Ed. (Los Angeles: Sage Publications, 2010), 2
[159] Mook Soon Sang, *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*, 100
[160] R. Burke Johnson, Anthony J. Onwuegbuzie & Lisa A. Turner, "*Toward a Definition of Mixed Methods Research",* 114
[161] J. Hartley & K Chesworth, "Mix Qualitative and Quantitative", *Journal of Further Higher Education*, vol. 24, 1 (February 2000), United Kingdom: Bridge Hill University College, 15-25
[162] Lisa A. Guion, David C. Deihl & Debra McDonald, "Triangulation: Establishing the Validity of Qualitative Studies", laman sesawang *University of Florida IFAS Extension*, dicapai pada 25 Jun 2013, https://edis.ifas.ufl.edu/fy394, 2

3.5.2. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang akan digunakan adalah seperti berikut:

i. Satu set ujian bertulis berkaitan istilah-istilah fiqh

ii. Satu set soal selidik murid sekolah rendah

iii. Protokol temubual guru Pendidikan Islam sekolah rendah separa berstruktur

iv. Borang pemerhatian pengajaran dan pembelajaran guru

3.5.2.1. Ujian Bertulis

Bagi menjawab persoalan berkaitan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR, ujian bertulis telah dibina berdasarkan sukatan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR. Fokus utama di dalam ujian ini ialah berkaitan beberapa istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR. Ujian ini dibina bersesuaian dengan aras pengetahuan untuk murid peringkat sekolah rendah yang meliputi semua tajuk yang telah diajar berdasarkan sukatan pelajaran pendidikan Islam KBSR[163].

Pembinaan soalan ujian (*lampiran 1*) ini berdasarkan kepada Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang dibina dengan memberi pemberatan hanya kepada empat daripada domain kognitif berdasarkan kepada *Taksonomi Kognitif Bloom*[164] iaitu pengetahuan, pemahaman, penggunaan dan analisis. Penetapan empat domain kognitif ini adalah bersesuaian dengan tahap kognitif murid sekolah rendah dan berdasarkan kepada panduan

[163] Kementerian Pelajaran Malaysia, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996), 11-14

[164] Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Pembinaan Dan Analisis Ujian Bilik Darjah* (Skudai: Penerbit UTM Press, 2011), 57

yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia yang menegaskan bahawa tidak semua peringkat hasil pembelajaran dan aras kemahiran mesti diuji dalam sesuatu penilaian/ujian[165].

Ujian ini mengandungi 25 soalan dari bahagian ibadah berkaitan tajuk konsep ibadah, bersuci, solat dan puasa. Soalan-soalan yang dibuat adalah dalam bentuk objektif. Setiap satu jawapan yang betul bagi soalan ini akan diberikan 4 markah. Jumlah markah keseluruhan adalah 100%. Masa yang diperuntukkan untuk ujian ini ialah 1 jam. Hasil daripada ujian ini akan dijadikan sandaran bagi menjawab persoalan berkaitan tahap penguasaan murid sekolah rendah terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR.

Jadual 3.4: Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Ujian Bertulis Penguasaan Istilah Fiqh SR

TAJUK / KONSTRUK	**Pengetahuan**			**Kefahaman**			**Aplikasi**			**Analisis**			**Jum. Soalan**
	R	**S**	**T**	**R**	**S**	**T**	**R**	**S**	**T**	**R**	**S**	**T**	
Asas Ulum Syariah (Ibadah)													
Konsep Ibadah		**1**					**2**						**3**
Bersuci	2	3		2							1		**8**
Solat	1	2	3		1	1	2					1	**11**
Puasa							2			1			**3**
Tahap Kognitif / Aras Kesukaran	Pengetahuan			Kefahaman			Aplikasi			Analisis			**Jum. Soalan**
Aras Rendah (50%)	3			2			6			1			**12**
Aras Sederhana (30%)		6			1						1		**8**
Aras Tinggi (20%)			3			1						1	**5**
Jumlah Keseluruhan													**25**

[165] Pusat Perkembangan Kurikulum, *Penilaian Kendalian Sekolah* (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001), 11

3.5.2.2. Soal Selidik

Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik (*survey*) merupakan salah satu kaedah yang banyak menggunakan soalan-soalan selidik (*questionaires*) untuk mengumpul data kajian[166]. Tujuan utama soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya dan ianya praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar[167]. Bagi mendapatkan data berkaitan persepsi murid terhadap istilah fiqh serta proses pengajaran dan pembelajaran guru berkaitan istilah-istilah tersebut, kaedah soal selidik telah dipilih dan dianggap bersesuaian.

Item-item soal selidik (*lampiran 2*) yang dibina menggunakan soalan aneka pilihan (*mutiple choice question*) di samping item-item skala likert (*likert scale*) 5 mata. Item-item jenis aneka pilihan digunakan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan latar belakang murid pada bahagian A soalan, sementara item-item yang menggunakan skala likert digunakan untuk mendapatkan respon berkaitan pengetahuan murid serta persepsi murid terhadap istilah fiqh dan proses pdp guru berkaitan istilah tersebut pada bahagian B, C dan D set soal selidik. Pembahagian item mengikut pemboleh ubah yang diuji ditunjukkan dalam jadual 3.5. di bawah.

[166] Mok Soon Sang , *Penyelidikan Dalam Pendidikan; Perancangan Dan Perlaksanaan Penyelidikan Tindakan* (Selangor:Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2010), 204
[167] Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka*, 202

Jadual 3.5: Pembahagian Item Dalam Soal Selidik Murid

	Pemboleh ubah	Bahagian	No. Item
1.	Latar Belakang Responden	A	1-3
2.	Tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah (konsep ibadah, bersuci, solat dan puasa) dalam kalangan murid sekolah rendah Sambungan	B	4-14
3.	Persepsi dan tanggapan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah (konsep ibadah, bersuci, solat dan puasa) yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR	C	15-24
4.	Persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah (konsep ibadah, bersuci, solat dan puasa)	D	25-34

3.5.2.3. Temubual

Temubual digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif kajian[168]. Berdasarkan kepada persoalan ketiga kajian, tujuh orang guru Pendidikan Islam dari sekolah-sekolah tersebut telah dipilih untuk ditemubual. Bentuk temubual yang digunakan adalah temubual separa-berstruktur *(semi-structured).* Bentuk temubual separa berstruktur dipilih kerana ia merupakan kaedah terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor-subfaktor[169].

[168] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 237.
[169] Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod* (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2006), 122.

Temubual separa berstruktur dengan guru Pendidikan Islam dilaksanakan sendiri oleh penyelidik berdasarkan protokol temubual guru (*lampiran 3*) yang dibentuk oleh penyelidik. Fokus utama temubual guru adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan penguasaan murid terhadap istilah fiqh, proses pdp guru berkaitan tajuk-tajuk berkaitan istilah fiqh, masalah-masalah yang dihadapi oleh murid di dalam pdp berkaitan istilah-istilah fiqh serta cadangan dari guru bagi meningkatkan penguasaan istilah-istilah fiqh dalam kalangan murid. Temubual separa berstuktur dengan guru dilakukan secara individu dengan setiap sesi temubual tersebut dirakam dengan menggunakan perakam audio telefon mudah alih (Samsung Corby II, GT-S3850) sebelum ditranskripsikan secara verbatim.

3.5.2.4. Pemerhatian

Selain daripada kaedah-kaedah yang dinyatakan tadi, data juga diperolehi melalui pemerhatian terhadap proses pdp guru di dalam bilik darjah. Pemerhatian merupakan satu daripada kaedah mengukur pembolehubah penyelidikan. Melalui pemerhatian, penyelidik mengamati tingah laku subjek berdasarkan kepada pembolehubah-pembolehubah yang dikenal pasti dan ianya sesuai digunakan terutamanya untuk mengkaji perkembangan tingkah laku sesuatu unit sosial[170].

Kaedah pemerhatian digunakan untuk pengumpulan data tentang pelaksanaan proses pdp guru di dalam bilik darjah. Pemerhatian yang dilakukan memberikan peluang kepada penyelidik untuk memerhati, mendengar dan mengalami suasana yang sebenar . Dengan kaedah ini penyelidik memperoleh gambaran sebenar yang menyeluruh dan

[170] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 246.

mendalam tentang proses pdp guru, yang mana melibatkan perancangan dan bahan-bahan pengajaran guru, penegasan guru terhadap istilah-istilah fiqh serta aktiviti-aktiviti yang dilakukan bagi membantu pemahaman murid murid terhadap sesuatu istilah fiqh.

Kaedah permerhatian yang dilakukan adalah pemerhatian bukan peserta: penyelidik sebagai pemerhati lengkap (c*omplete observer*). Pemerhatian ini dilakukan secara berstruktur dimana penyelidik mengenalpasti dahulu pembolehubah-pembolehubah atau tingkah laku yang hendak diperhatikan. Satu set pemboleh ubah atau tingkah laku yang hendak diperhatikan disediakan terlebih dahulu sebelum menjalankan pemerhatian. Bagi tujuan tersebut, borang penilaian aktiviti pdp guru digunakan bagi tujuan memudahkan aktiviti pemerhatian dan penganalisaan data (*lampiran 4*).

3.5.2.5. Analisis Dokumen

Sebagai memperkukuhkan lagi dapatan data daripada instrumen-instrumen kajian yang dinyatakan sebelum ini, dokumen-dokumen yang berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam telah dirujuk dan dianalisa. Data-data dari dokumen ini juga dapat digunakan untuk mendapatkan kesahan sesuatu jawapan yang telah diperolehi daripada soal selidik. Selain itu, teknik analisis dokumen juga digunakan untuk mengekstrak data untuk tujuan pembinaan item-item soalan soal ujian bertulis dan soal selidik. Antara dokumen-dokumen yang dirujuk ialah:

i. Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR

ii. Huraian Sukatan Pendidikan Islam Tahun 1-6 KBSR

iii. Buku Teks Pendidikan Islam KBSR Tahun 1-6

iv. Buku Panduan Guru Pendidikan Islam KBSR Tahun 1-6

v. Rancangan Pengajaran Tahunan Pendidikan Islam

vi. Rancangan Pengajaran Harian Pendidikan Islam (Rekod Mengajar Guru)

3.6. Prosedur Menjalankan Kajian

Sebelum memulakan kajian di sekolah-sekolah, penyelidik telah memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (*EPRD*) (*lampiran 5*). Setelah kebenaran diperolehi, penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (*lampiran 6*) bagi menggunakan pelajar sekolah sebagai sampel kajian. Seterusnya penyelidik telah berkunjung ke sekolah-sekolah yang dipilih bagi mendapatkan kebenaran dari pihak pentadbir sekolah-sekolah berkenaan di samping membuat janji temu bagi prosuder temubual dan pemerhatian dengan guru-guru yang dipilih serta menetapkan tarikh yang sesuai menjalankan ujian bertulis dan mengedarkan borang soal selidik kepada murid-murid.

Ujian bertulis dan borang soal selidik untuk semua responden diedar dan ditadbir sendiri oleh penyelidik berdasarkan tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah. Sementara prosuder temubual dan pemerhatian telah dilaksanakan pada tarikh dan masa sesuai dengan jadual pdp guru yang dipilih sebagai responden untuk prosuder tersebut.

3.7. Analisis data

Data yang diperolehi dan dikumpul daripada ujian bertulis, soal selidik, temubual, pemerhatian dan dokumen-dokumen telah dikod dan diproses berdasarkan kepada jenis data tersebut. Bagi data berbentuk kuantitatif daripada ujian bertulis dan soal seidik, data diproses dengan menggunakan pakej *IBM SPSS Statistics 19.* Data yang diperolehi dianalisis berdasarkan kepada persoalan-persoalan kajian. Penganalisaan data dibuat berdasarkan kepada analisis deskriptif dengan menggunakan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai.

Sementara data berbentuk kualitatif dari temubual, pemerhatian dan dokumen, ia berperanan sebagai data sekunder (*secondary*) bertujuan melengkapkan, memantapkan dan mengukuhkan pengumpulan data yang diperolehi daripada sumber utama (soal selidik)[171]. Bagi data temubual, semua rakaman temubual terhadap guru-guru yang telah dipilih sebagai responden ditranskripsikan secara verbatim dan kemudiannya dianalisa dan dikodkan mengikut persoalan yang dikaji. Bagi tujuan tersebut, data disusun dan dikodkan dibawah persoalan kajian dan digabungkan dapatan dari ketujuh-tujuh responden berdasarkan kepada rangkaian maklumat yang diperolehi. Bagi data pemerhatian pula, nota lapangan serta senarai semak (*check list*) pemerhatian terhadap proses pdp dalam bilik darjah telah dikumpul dan diringkaskan dalam satu jadual berdasarkan persoalan kajian. Data dari temubual dan pemerhatian ini seterusnya dicantum dan diringkaskan di dalam satu jadual yang sama serta diperkuatkan dengan dapatan dari dokumen-dokumen yang berkaitan sebagai sokongan. Analisis data kualitatif ini kemudiannya dihubungkan dengan

[171] Marohaini Yusoff, *Penyelididkan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 39.

dapatan dari sumber kuantitatif (ujian bertulis dan soal selidik) untuk menjawab persoalan yang dikaji secara diskriptif.

3.8. Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan[172]. Kesahan (*validity*) merujuk kepada setakat mana (ujian) mengukur apa yang hendak diukur[173] atau dengan kata lain sesuatu alat pengukuran yang dipilih (ujian, soal selidik, temubual, pemerhatian dan analisis dokumen) untuk mengukur sesuatu pembolehubah dengan sebenar-benarnya[174] dan sejauh mana pengukuran berguna dalam tujuannya[175]. Sementara kebolehpercayaan (*reliability*) ialah satu tahap di mana sesuatu ukuran bebas dari kesilapan dan menghasilkan keputusan yang tekal (i.e. ketekalan prosuder pengukuran)[176].

3.8.1. Kesahan (*Validity*) Dan Kebolehpercayaan (*Reliability*) Instrumen Ujian Bertulis

Bagi instrumen ujian bertulis, soalan-soalan yang dikemukakan adalah diambil dan diolah daripada soalan dan huraian yang terdapat dalam pelajaran ibadah buku teks Pendidikan Islam KBSR tahun 1 hingga 6. Kesahan isi bagi instrumen ujian bertulis ini

---

[172] Dr. Haji Ghazali Bin Hj. Darussalam, "Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam kajian Kualitatif dan Kuantitatif", laman sesawang *ipislam*, dicapai 23 Jun 2013, www.ipislam.edu.my/uploaded/file/ghazali.pdf

[173] Gregory, R.J., *Psychological Testing: History, Principles and Applications* (Boston: Allyn and Bacon, 1992), 117.

[174] Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*, 80.

[175] Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Pembinaan Dan Analisis Ujian Bilik Darjah*, 39.

[176] G. Thanasegaran, "Reliability and Validity Issues in Research", laman sesawang *econ.upm.edu.com.my*, dicapai pada 27 Jun 2013, http://econ.upm.edu.my/researchbulletin/artikel/Vol%204%20March%202009/35-40%20Ganesh.pdf

ditentukan berdasarkan kepada penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (Jadual 3.4) dalam proses pembinaan item-item soalan[177]. Selain itu, set soalan ujian bertulis ini juga telah disemak oleh beberapa guru Pendidikan Islam yang berpengalaman bagi menentukan kesesuaiannya dari segi isi, penggunaan bahasa, bentuk tulisan dan menepati tahap kognitif murid sekolah rendah.

Sementara kebolehpercayaan bagi ujian bertulis ini ditentukan melalui ujian kestabilan (uji-ulang uji)[178], di mana ujian yang sama telah diberikan kepada kumpulan yang sama dalam tempoh tertentu[179]. Di sini, seramai 24 orang murid telah menduduki ujian bertulis tersebut sebanyak dua kali dengan tempoh antara ujian 1 dan ujian 2 selama seminggu. Markah-markah dari ujian pertama dikorelasikan dan pekali korelasi yang terhasil ialah 0.868. Nilai pekali korelasi yang positif dan teguh menunjukkan bahawa indeks kebolehpercayaan bagi ujian tersebut adalah tinggi[180]. Rujuk jadual 3.6 dibawah.

Jadual 3.6: Keputusan Korelasi Ujian Rintis 1 dan 2 Ujian Bertulis

			Rintis 1	Rintis 2
Spearman's rho	Rintis 1	Correlation Coefficient	1.000	.868**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	24	24
	Rintis 2	Correlation Coefficient	.868**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	24	24

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

[177] Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Pembinaan Dan Analisis Ujian Bilik Darjah*, 40
[178] Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Pembinaan Dan Analisis Ujian Bilik Darjah*, 48
[179] Fraenkel, Jack .R & Wallen, Norman E., *How to Design and Evaluate Research in Education*, 6th Ed., (New York: McGraw-Hill, 2007), 159.
[180] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 168.

3.8.2. Kesahan (*Validity*) Dan Kebolehpercayaan (*Reliability*) Instrumen Soal Selidik

Bagi kesahan instrumen soal-selidik pula, penyelidik menggunakan teknik (*Content-Related Evidence of Validity*)[181] melalui seorang pakar rujuk dalam bidang Pendidikan Islam serta seorang guru berpengalaman dalam Pendidikan Islam sekolah rendah.

Jadual 3.7: Kesahan Instrumen Soal Selidik Melalui Pakar Rujuk

Panel Pakar Rujuk (Expert Judgement)
1. Dr. Misnan Jemali Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. En. Muslim Mustapa Penolong Pegawai Pelajaran Daerah Unit Pendidikan Islam Pejabat Pelajaran Wilayah Bangsar & Pudu Kuala Lumpur

Sementara bagi tujuan mengukur kebolehpercayaan item-item soal selidik, penyelidik menggunakan *Cronbach Coefficient Alpha* melalui dua kajian rintis yang dilakukan terhadap 20 orang responden yang dipilih. Merujuk kepada McDermoott dan Sarvela, jumlah sampel bagi kajian rintis biasanya tidak kurang dari 20 sampel[182].

[181] Fraenkel, Jack .R & Wallen, Norman E., *How to Design and Evaluate Research in Education*, 152-153
[182] Robert J. McDermott, Paul D. Sarvela, *Health Education Evaluation And Measurement : A Practitioner's Perspective* ([Dubuque, IA] : WCB/McGraw-Hill, 1999), 147-148

Jadual 3.8: Keputusan Kajian Rintis 1 Dan 2 Soal Selidik

No Item	Item	Variabel	Nilai Alpha (α)	
			Ujian 1	Ujian 2
1-3	Demografi	A1–A3	-	-
4-14	Tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	B1–B10	0.864	0.902
15-24	Persepsi dan tanggapan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	C1-C10	0.759	0.799
25-34	Persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	D1-D10	0.719	0.783

Hasil keputusan Ujian Rintis 1 menunjukkan indeks nilai kebolehpercayaan berada antara 0.71 hingga 0.86 dan terletak dalam nilai kebolehpercayaan item yang boleh diterima menurut Fraenkel dan Wallen[183]. Indeks nilai kebolehpercayaan item telah meningkat setelah dilakukan Ujian Rintis 2 dengan dilakukan pembaikan pada item-item tersebut. Nilai indeks kebolehpercayaan pada Ujian Rintis 2 berada antara 0.78 hingga 0.90 iaitu pada tahap yang kukuh dan boleh digunakan untuk ditadbir kepada sampel yang sebenar.

3.8.3. Kesahan (*Validity*) Dan Kebolehpercayaan (*Reliability*) Instrumen Temubual, Pemerhatian Dan Dokumen

Bagi instrumen temubual, pemerhatian dan dokumen, penggunaan teknik triangulasi di dalam penyelidikan ini secara tidak langsung membantu keesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen-instrumen yang digunakan. Maaneen menyebut bahawa, bagi kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual, pemerhatian, dan dokumen dalam

[183] Fraenkel, Jack .R & Wallen, Norman E., *How to Design and Evaluate Research in Education*, 161.

usaha mengumpulkan sebanyak mungkin data, penggunaan teknik triangulasi itu sendiri telah memperkukuhkan kesahan kajian[184]. Guion, Deihl dan McDonald juga menegaskan bahawa melalui kaedah triangulasi, jika keputusan yang dihasilkan daripada kedua-dua method (kualitatif dan kuantitatif) yang digunakan adalah sama maka keesahan bagi kajian tersebut telah dibuktikan[185]. Golafshani menegaskan kaedah triangulasi merupakan strategi (ujian) untuk meningkatkan keesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian atau penaksiran kepada sesuatu dapatan dengan memetik huraian oleh Mathison: "*Triangulation has risen an important methodological issue in naturalistic and qualitative approaches to evaluation [in order to] control bias and establishing valid propositions because traditional scientific techniques are incompatible with this alternate epistemology*" [186].

3.9. Kajian Sebenar

Sampel kajian sebenar ialah 350 orang murid Sekolah Rendah dalam Zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada 350 borang yang yang diedarkan oleh penyelidik kepada murid, hanya 341 sahaja daripada borang yang dikembalikan lengkap dan sesuai untuk dianalisis. Sementara bagi tujuan pemerhatian dan temubual, penyelidik telah berjaya menemubual 7 orang guru dari 7 buah sekolah yang dikunjungi. Sesi temubual diadakan seusai proses pemerhatian (observasi) terhadap pdp guru. Proses kajian lapangan yang bermula dari 16 April 2013 sehingga 7 Mei 2013 ini telah berjaya dilakukan sebagaimana yang direncanakan oleh pengkaji berdasarkan kepada temujanji dan

[184] John Van Maaneen, *Qualitative Methodology* (Beverly Hill, California: Sage Publication, 1983), 136.
[185] Lisa A. Guion, David C. Deihl & Debra McDonald, *Triangulation: Establishing the Validity of Qualitative Studies*, 2
[186] Nahid Golafshani, "Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research", laman sesawang *NOVA*, dicapai pada 28 Jun 2013, http://www.nova.edu/ssss/QR/QR8-4/golafshani.pdf

maklumbalas positif yang diterima dari pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan murid-murid yang terlibat.

3.10. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini secara keseluruhannya adalah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan kajian secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghasilkan dapatan kajian yang lengkap, menyeluruh dan mendalam bagi membolehkan kajian ini digenaralisasikan kepada senario yang berlaku di dalam negara. Dapatan daripada ujian bertulis dan soal selidik merupakan data primer kajian sementara dapatan daripada temubual, pemerhatian dan dokumen merupakan data sekunder bertujuan untuk menyokong dan menguatkan dapatan dari data-data primer.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1. Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik akan membincang dan menghuraikan hasil penganalisaan data serta keputusan yang diperoleh daripada ujian penilaian yang telah dilakukan serta maklum balas daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden di setiap sekolah yang terlibat. Maklum balas yang dikumpul dianalisis dari pelbagai aspek untuk menjawab persoalan kajian seperti mana yang telah dinyatakan dalam bab satu yang lalu. Data yang telah dikumpul telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 19. Selain itu, analisis data kualitatif berdasarkan temubual terhadap 7 orang guru Pendidikan Islam yang dipilih, pemerhatian terhadap proses pdp dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pdp juga dikemukakan sebagai sumber data sekunder bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan daripada ujian penilaian dan soal selidik.

4.2. Latar Belakang Responden

Pada bahagian ini, perbincangan adalah menjurus kepada perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden. Ini termasuk 3 item utama berkaitan responden yang di fikirkan perlu bagi tujuan kajian iaitu jantina, sumber Pendidikan Islam (P.I) selain di Sekolah Kebangsaan (SK) dan keputusan PKSR 2 bagi setiap responden. Penganalisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang 341 responden. Perbincangan pada bahagian ini akan dijelaskan mengikut kategori item yang telah ditetapkan sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual-jadual di bawah.

4.2.1. Pembahagian responden berdasarkan kepada jantina

Jadual 4.1 : Pembahagian Responden Berdasarkan Jantina

Jantina

	Frekuensi	**Peratus**
Lelaki	158	46.3
Perempuan	183	53.7
Total	**341**	**100.0**

Jadual 4.1 menunjukkan pembahagian responden kajian berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya, sebanyak 350 responden telah terpilih untuk menjawab soal selidik yang dikemukakan dan daripada jumlah tersebut hanya 341 borang yang dikembalikan sahaja telah diproses sementara selebihnya tidak berjaya dilengkapkan oleh responden. Jadual 4.1 secara keseluruhannya menunjukkan responden terdiri daripada murid lelaki dan juga perempuan. Sebanyak 158 orang murid lelaki atau meliputi sebanyak 46.3% terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini. Manakala murid perempuan yang terlibat terdiri daripada 183 orang atau 53.7%. Ini menunjukkan responden perempuan lebih ramai terlibat berbanding responden lelaki dalam penyelidikan ini.

4.2.2. Taburan responden berdasarkan kepada sumber Pendidikan Islam (P.I) selain di Sekolah Kebangsaan (SK)

Carta 4.1: Taburan murid berdasarkan sumber P.I selain SK



Carta 4.1 menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan kepada sumber P.I selain di SK. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar murid mendapat pendidikan secara formal bagi P.I selain di SK bagi P.I dengan 46% daripada 341 orang responden yang dipilih menghadiri Sekolah Agama / KAFA dan 8% daripadanya menghadiri kelas-kelas Fardu ain. Sementara sebahagian yang lain mendapat pendidikan secara tidak formal bagi P.I di mana 20% daripadanya belajar di rumah jiran, guru agama dan masjid dan 25% daripada ibu bapa sendiri. Hanya 1% daripada keseluruhan responden memberi respon tidak mendapat sebarang pendidikan secara formal atau tidak formal kecuali apa yang dipelajari di sekolah.

4.2.3. Taburan responden berdasarkan kepada keputusan peperiksaan PKSR 2

Carta 4.2 :Taburan Responden Berdasarkan Kepada Keputusan Peperiksaan PKSR 2, 2012



Berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan PKSR 2, 2012, data yang diperolehi menunjukkan bahawa hampir keseluruhan murid mencapai keputusan lulus bagi mata pelajaran P.I. Daripada jumlah tersebut, 85.6% daripada responden memperolehi keputusan antara A dan B, sementara 14.1% memperolehi keputusan antara C dan D. Hanya 0.3% sahaja daripada 341 responden gagal dengan memperolehi keputusan E dalam peperiksaan tersebut.

4.3. Analisis Data

Penganalisaan data bagi kajian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu analisis ujian bertulis (Bahagian A), analisis soal selidik (Bahagian B) dan analisis data (kualitatif) temubual, pemerhatian dan dokumen (Bahagian C). Bagi data ujian bertulis interpretasi gred pencapaian dalam Sistem Laporan Adab Belajar Murid-Murid Sekolah

oleh KPM[187] sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 4.2 telah digunakan bagi memberikan gambaran yang lebih mudah dan jelas tentang tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks P.I KBSR sebagaimana yang dikehendaki di dalam kajian ini. Sementara bagi data soal selidik (Bahagian B), interpretasi nilai min yang dirumuskan oleh Nunally[188] sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3 digunakan bagi memberikan gambaran yang lebih mudah dalam menjawab persoalan-persoalan kajian deskriptif di samping analisis berdasarkan kekerapan dan peratus. Seterusnya dapatan dari analisis temubual, pemerhatian dan dokumen-dokumen berkaitan akan dibentangkan sebagai data sekunder bagi menyokong dapatan daripada ujian bertulis dan soal selidik.

Jadual 4.2 : Gred Pencapaian

% Pencapaian	**Gred**	**Pencapaian**
80% - 100%	A	Cemerlang
60% - 79%	B	Baik
40% - 59%	C	Memuaskan
20% - 39%	D	Belum Menguasai
0% - 19%	E	Belum Menguasai

[187] Kementerian Pendidikan Malaysia, *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2003: Perlaksanaan Sistem Laporan Adab Belajar (LAB) Murid Sekolah Rendah Dan Menengah* (Lampiran A).

[188] Nunally , J.C, *Psychometric Theory* (New York: McGraw Hill Company, 1978), dalam; Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah, "Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan", *Jurnal Teknologi*, 56.

Jadual 4.3 : Interpretasi Skor Min Nunally

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

4.3.1. Bahagian A (Analisis Data Ujian Bertulis)

4.3.1.1. Tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR

Carta 4.3 dan Jadual 4.4 di bawah menunjukkan tahap pencapaian murid bagi ujian bertulis berkaitan istilah-istilah fiqh. Dapatan menunjukkan hanya 20% daripada 341 murid yang menduduki ujian tersebut telah menguasai istilah-istilah fiqh dengan cemerlang dengan memperolehi A , sementara sebahagian besar memperolehi keputusan B mencapai 44% dengan perolehan markah antara 60% hingga 79% bagi keseluruhan soalan yang telah dijawab. Bagi keputusan C dan D masing-masing pada kadar 27% dan 8% dan hanya 1% sahaja daripada keseluruhan murid memperolehi keputusan E. Berdasarkan kepada interpretasi gred pencapaian dalam Jadual 4.2 sebelum ini, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya pencapaian murid melebihi tahap memuaskan dan hanya 9% daripada keseluruhan murid berada pada tahap belum menguasai dengan memperolehi keputusan D dan E.

Jadual 4.4: Pencapaian Murid Bagi Ujian Bertulis

Gred	***Frekuensi***	***Peratus %***
A	*67*	*20*
B	*151*	*44*
C	*92*	*27*
D	*28*	*8*
E	*3*	*1*
Jumlah	***341***	***100***

Carta 4.3: Peratus Pencapaian Murid Bagi Ujian Bertulis



Seterusnya data-data dari ujian bertulis murid juga telah dianalisis berdasarkan kepada domain kognitif tertentu berlandaskan Taksonomi Kognitif Bloom. Bagi tujuan tersebut empat daripada enam tahap pemeringkatan kognitif dipilih bersesuaian dengan amalan di sekolah rendah iaitu, pengetahuan, kefahaman dan aplikasi (kemahiran berfikir aras rendah) dan analisis (kemahiran berfikir aras tinggi).

Carta 4.4: Kekerapan Jawapan Berdasarkan Domain Kognitif



Carta 4.4 di atas menunjukkan kekerapan jawapan betul dan salah bagi setiap domain kognitif murid. Daripada carta tersebut didapati bahawa 66% daripada 341 murid telah menjawab dengan betul bagi peringkat pengetahuan menunjukkan bahawa sebahagian besar murid dapat mengingat kembali fakta asas dan definisi-definisi istilah fiqh. Sementara bagi peringkat kefahaman yang memerlukan murid mengubah kefahaman daripada satu bentuk kepada bentuk lain, menterjemah, dan memberi contoh kepada konsep berkaitan istilah fiqh, 52% daripadanya telah menjawab dengan betul. Bagi peringkat aplikasi pula di mana murid menggunakan maklumat berkaitan istilah fiqh dalam situasi yang baru termasuk menyelesaikan masalah menggunakan hukum berkaitan, 69% daripada keseluruhan responden telah menjawab dengan betul. Seterusnya bagi peringkat analisis yang memerlukan murid mengenalpasti serta mengaitkan istilah-istilah fiqh dengan sesuatu situasi, hanya 45% daripada responden menjawab dengan betul. Ini menunjukkan bahawa

keupayaan murid untuk menggunakan kemahiran kognitif pada aras yang lebih tinggi masih lagi kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan.

4.3.2. Bahagian B (Analisis Data Soal Selidik)

4.3.2.1. Tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam (P.I) KBSR.

Carta 4.5 : Taburan Kekerapan Tahap Penguasaan Murid Terhadap Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah



Carta 4.5 di atas menunjukkan taburan kekerapan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks P.I KBSR. Pada bahagian ini item-item soal selidik dibina berdasarkan kepada istilah-istilah fiqh yang biasa digunakan oleh murid serta merujuk kepada keupayaan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi.

Bagi item pertama (b1), '*saya tahu maksud bagi semua istilah-istilah* fiqh *berkaitan ibadah yang terdapat di dalam buku teks P.I'*, dapatan menunjukkan 15% (51) responden sangat setuju dan 42% (142) setuju dengan item yang dikemukakan. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden tahu maksud bagi semua istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks P.I. Sementara responden yang menjawab sangat tidak setuju hanya 11 (3%). Selain itu 35% (119) menyatakan kurang setuju dan 5% (18) tidak setuju.

Seterusnya bagi item kedua (b2) '*saya boleh menyenaraikan contoh fardu ain `ain*', respon dari murid menunjukkan sebahagian besar murid tidak boleh menyenaraikan contoh fardu ain `ain di mana 46% (157) memberi respon kurang setuju, 15% (50) tidak setuju dan 6% (19) sangat tidak setuju. Hanya 6% (22) responden sangat setuju dan 27% (93) setuju.

Taburan kekerapan bagi item ketiga (b3) 's*aya boleh membezakan antara sunat ab`adh dan sunat haiat*' menunjukkan bahawa sebahagian murid tahu makna sunat ab`adh dan sunat haiat dan boleh membezakan antara keduanya. Di sini 84 responden menyatakan sangat setuju dan 99 responden setuju menjadikan peratus kedua-duanya 54%. Manakala bagi responden yang menjawab kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju 46%.

Bagi item keempat (b4) '*saya tahu istilah hadas mempunyai kaitan dengan wudhuk dan mandi wajib*', kekerapan menunjukkan bahawa 78 responden menyatakan sangat setuju bagi item tersebut dan 90 responden menyatakan setuju. Manakala sebahagian besar

responden menyatakan kurang bersetuju dengan 110 responden. Hanya 44 responden menyatakan tidak setuju dan 19 menyatakan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa hanya 49% daripada murid tahu bahawa istilah hadas mempunyai kaitan dengan wudhuk dan mandi wajib.

Seterusnya bagi item kelima (b5) '*Saya boleh menyatakan erti bagi istilah sahur*', 38% (129) responden menyatakan sangat setuju dan 31% (106) setuju. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid boleh menyatakan erti istilah sahur. Namun demikian 31% daripada keseluruhan responden dilihat tidak boleh menyatakan erti istilah tersebut.

Bagi item keenam (b6) berkaitan kebolehan murid membaca istilah-istilah tersebut dalam tulisan jawi, ketujuh (b7) kebolehan menulis istilah-istilah tersebut dalam tulisan jawi dan kelapan (b8) kebolehan menyebut istilah-istilah tersebut dengan sebutan yang betul dan fasih. Di sini murid dilihat tidak bermasalah dalam membaca dan menulis istilah-istilah tersebut dalam tulisan jawi dimana kekerapan bagi jawapan sangat setuju dan setuju bagi kedua-dua item tersebut ialah 89% (279) dan 72% (245). Sementara bagi kebolehan menyebut istilah-istilah tersebut dengan betul dan fasih, 61% (207) daripada responden sangat setuju dan setuju. Selainnya menjawab kurang setuju 92, tidak setuju 30 dan sangat tidak setuju 12 yang mana peratus ketiga-tiganya ialah 39% menunjukkan ramai murid yang tidak dapat menyebut istilah-istilah tersebut dengan betul dan fasih. Seterusnya bagi melihat tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh dari segi implimentasi di dalam pdp, item kesembilan (b9) '*Saya boleh menerangkan istilah-istilah* fiqh *kepada rakan jika diminta oleh guru*' menunjukkan bahawa 48% (162) daripada responden kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa peratusan besar murid tidak boleh menerangkan istilah-istilah fiqh kepada rakan jika diminta oleh guru. Namun begitu sebahagian lain memberi respon sangat setuju dan setuju dengan masing-masing

20% (69) dan 32% (110) bagi item tersebut. Sementara item kesepuluh (b10) '*Jika terdapat soalan berkaitan istilah-istilah* fiqh, *saya yakin dapat menjawab dengan betul*' dapatan menunjukkan 20% (67) menjawab sangat setuju, 38% (130) setuju, 29% (100) kurang setuju, 8% (27) tidak setuju dan 5% (17) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan sebahagian besar murid yakin dapat menjawab soalan-soalan berkaitan istilah fiqh.

Jadual 4.5: Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Murid Terhadap Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah

No.	**Item**	**Min**	**Tahap Skor Min**	**Sisihan Piawai**
b1.	Saya tahu maksud bagi semua istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam	3.60	ST	0.917
b2.	Saya boleh menyenaraikan contoh fardu ain `ain	3.14	ST	0.939
b3.	Saya boleh membezakan antara sunat ab`adh dan sunat haiat	3.57	ST	1.127
b4.	Saya tahu istilah hadas mempunyai kaitan dengan wudhuk dan mandi wajib	3.48	ST	1.142
b5.	Saya boleh menyatakan erti bagi istilah sahur.	3.95	ST	1.049
b6.	Saya boleh membaca istilah-istilah fiqh dalam tulisan jawi	4.33	T	0.948
b7.	Saya boleh menulis istilah-istilah fiqh dalam tulisan jawi	4.04	T	1.070
b8.	Saya boleh menyebut setiap istilah fiqh dengan sebutan yang betul dan fasih	3.74	ST	1.083
b9.	Saya boleh menerangkan istilah-istilah fiqh kepada rakan jika diminta oleh guru	3.50	ST	1.110
b10.	Jika terdapat soalan berkaitan istilah-istilah fiqh, saya yakin dapat menjawab dengan betul.	3.60	ST	1.046
	Purata Skor	**3.70**		**1.043**

Merujuk Jadual 4.5 di atas, secara keseluruhannya bagi tahap penguasaan murid terhadap istilah fiqh, skor min berada di tahap sederhana tinggi dengan skor purata 3.70. skor. Nilai skor min tertinggi dicatatkan bagi item b6 dan b7 dimana skor min berada di tahap yang tinggi iaitu 4.33 & 4.04. Sementara nilai skor min terendah adalah pada item b2 iaitu 3.14 pada tahap sederhana tinggi.

4.3.2.2. Persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang diajar oleh guru.

Carta 4.6 : Taburan Kekerapan Persepsi Murid Terhadap Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Yang Diajar Oleh Guru



Carta 4.6 di atas menunjukkan taburan kekerapan persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh yang diajar oleh guru. Pada bahagian ini, item-item adalah merujuk kepada persepsi murid terhadap kepentingan menguasai istilah-istilah tersebut, kondisi istilah-istilah tersebut dari segi sebutan, tulisan, kefahaman dan ingatan serta minat murid terhadap istilah tersebut.

Bagi item pertama (c1) '*saya mesti menguasai istilah-istilah* fiqh *kerana ia penting dan berfaedah'*, kedua (c2) '*dengan menguasai istilah-istilah* fiqh*, saya dapat memahami pelajaran ibadah dengan baik*', ketiga (c3) '*saya boleh cemerlang dalam Pendidikan Islam jika saya menguasai istilah-istilah* fiqh', dan keempat (c4) '*istilah-istilah* fiqh *ada kaitan dengan ibadah seharian saya*' yang merujuk kepada persepsi murid terhadap kepentingan menguasai istilah-istilah fiqh, dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bersetuju dengan kepentingan menguasai istilah-istilah tersebut di mana bagi item pertama (c1) 79% (271) memberi respon sangat setuju dan setuju. Hanya sebahagian kecil sahaja memberi respon kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan jumlah kekerapan yang rendah iaitu 21% (70). Sementara bagi item kedua (c2), 83% (284) responden menjawab sangat setuju dan setuju, sementara 17% (57) menyatakan kurang setuju dan tidak setuju. Tiada respon sangat tidak setuju bagi item ini. Seterusnya bagi item ketiga (c3), dapatan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden bersetuju dengan item ini di mana 88% (299) menyatakan sangat setuju dan setuju. Hanya 12% (42) menyatakan kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi item keempat (c4) pula, dapatan menunjukkan 78% (265) menyatakan sangat setuju dan setuju dan 22% (76) menyatakan kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Bagi item yang merujuk kepada persepsi berkaitan kondisi istilah-istilah tersebut dari segi sebutan, tulisan, kefahaman dan ingatan iaitu item kelima (c5) 'i*stilah-istilah* fiqh

mudah untuk disebut', keenam (c6) '*istilah-istilah* fiqh *mudah untuk ditulis*', ketujuh (c7) '*istilah-istilah* fiqh *mudah untuk diingat maknanya*'dan kelapan (c8) '*Istilah-istilah* fiqh *mudah untuk difahami maknanya*', dapatan menunjukkan bagi item kelima (c5), 70% (238) menjawab sangat setuju dan setuju dan 30% (103) menjawab kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi item keenam (c6), 71% (242) menjawab sangat setuju dan setuju dan 29% (99) menjawab kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Sementara bagi item ketujuh (c7), hanya 50% (169) dan item kelapan (c8) pula, 57% (195) menyatakan sangat setuju dan setuju. Hal ini menggambarkan bahawa secara keseluruhan kekerapan dan peratusan yang tinggi murid bersetuju bahawa istilah-istilah tersebut mudah untuk disebut dan ditulis. Sedangkan bagi item berkaitan kondisi istilah tersebut mudah untuk diingat dan difahami maknanya terdapat peningkatan pada respon kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dimana bagi item ketujuh (c7), 37% (127) kurang setuju, 8% (27) tidak setuju dan 5% (18) sangat tidak setuju, dan bagi item kelapan (c8), 32% (110) kurang setuju, 8% (26) tidak setuju dan 3% (10) sangat tidak setuju.

Akhir sekali bagi item kesembilan (c9) dan kesepuluh (c10) berkaitan minat murid terhadap istilah-istilah fiqh, dapatan kedua-duanya menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi jawapan sangat setuju dan setuju di mana bagi item (c9) '*sebagai pelajar saya mesti tahu maksud istilah-istilah* fiqh' 57% (193) menjawab sangat setuju dan 29% (99) setuju serta bagi item kesepuluh (c10) '*saya berminat untuk tahu dan kuasai banyak istilah-istilah* fiqh' 61% (208) menjawab sangat setuju dan 23% (79) setuju. Sementara hanya sebilangan kecil sahaja yang menjawab kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju di mana bagi item kesembilan (c9) 14% (49) dan bagi item kesepuluh (c10) 16% (54).

Dapatan ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan murid berminat untuk tahu dan menguasai istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah.

Jadual 4.6: Min Dan Sisihan Piawai Persepsi Murid Terhadap Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Yang Diajar Oleh Guru

No.	Item	Min	Tahap Skor Min	Sisihan Piawai
c1.	Saya mesti menguasai istilah-istilah fiqh kerana ia penting dan berfaedah.	4.28	T	.935
c2.	Dengan menguasai istilah-istilah fiqh, saya dapat memahami pelajaran ibadah dengan baik.	4.33	T	.843
c3.	Saya boleh cemerlang dalam Pendidikan Islam jika saya menguasai istilah-istilah fiqh.	4.49	T	.814
c4.	Istilah-istilah fiqh ada kaitan dengan ibadah seharian saya.	4.13	T	.904
c5.	Istilah-istilah fiqh mudah untuk disebut.	3.98	ST	.983
c6.	Istilah-istilah fiqh mudah untuk ditulis.	3.99	ST	.982
c7	Istilah-istilah fiqh mudah untuk diingat maknanya.	3.45	ST	1.004
c8.	Istilah-istilah fiqh mudah untuk difahami maknanya	3.65	ST	.991
c9.	Sebagai pelajar saya mesti tahu maksud istilah-istilah fiqh	4.35	T	.910
c10.	Saya berminat untuk tahu dan kuasai banyak istilah-istilah fiqh	4.37	T	.948
	Purata Skor	**4.10**		**.931**

Jadual 4.6 di atas menunjukkan skor min bagi item c1, c2, c3, c4, c9 dan c10 berada pada tahap tinggi dengan catatan min antara 4.13 hingga 4.49. Sementara bagi item c5, c6, c7, dan c8 berada pada tahap sederhana tinggi pada catatan antara 3.45 hingga 3.99. Merujuk pada purata skor min yang tinggi dengan catatan 4.10 jelas menunjukkan bahawa

murid mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap istilah fiqh yang diajar oleh guru. Berdasarkan dapatan tersebut, respon murid terhadap item c7 '*istilah-istilah* fiqh *mudah untuk diingat maknanya'* mencatatkan skor min terendah dengan catatan 3.45 sementara item c3 '*saya boleh cemerlang dalam Pendidikan Islam jika saya menguasai istilah-istilah* fiqh' mencatatkan skor min tertinggi dengan 4.49.

4.3.2.3. Persepsi Murid Terhadap Proses Pengajaran Istilah-istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Oleh Guru.

Carta 4.7 : Taburan Kekerapan Persepsi Murid Terhadap Proses Pengajaran Istilah-istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Oleh Guru



Carta 4.7 di atas adalah berkaitan taburan kekerapan persepsi murid terhadap proses pengajaran istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah oleh guru Secara umumnya item-item yang dikemukakan pada bahagian ini adalah menjurus kepada perlaksanaan pengajaran berkesan oleh guru di dalam proses pdp merangkumi kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa yang diperuntukkan.

Jika dilihat secara keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa taburan kekerapan bagi jawapan responden yang bersetuju adalah tinggi dan menggambarkan bahawa murid secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang amat positif terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam kelas. Merujuk kepada keseluruhan item dapatan menunjukkan bahawa taburan kekerapan adalah tinggi bagi jawapan sangat setuju dan setuju di mana bagi item pertama (d1) ‘g*uru menerangkan maksud istilah-istilah* fiqh *dalam buku teks sehingga saya faham*’, 71% (241) menyatakan sangat setuju dan 20% (69) setuju, item kedua (d2) ‘s*aya lebih faham apabila guru menggunakan gambar, tayangan video dan LCD bagi menerangkan pengertian bagi istilah-istilah* fiqh’ 34% (116) sangat setuju dan 27% (93) setuju, item ketiga (d3) ‘g*uru suruh saya hafaz istilah-istilah* fiqh’ 39% (133) sangat setuju dan 38% (128) setuju, item kempat (d4) ‘s*aya diberi latihan berkaitan istilah-istilah* fiqh *selepas belajar*’ 62% (211) sangat setuju dan 25% (85) setuju, item kelima (d5) ‘s*aya diberi pujian atau hadiah jika dapat menjawab istilah-istilah* fiqh' 32% (108) sangat setuju dan 31% (107) setuju, item keenam (d6) ‘*waktu Pendidikan Islam guru akan menyoal istilah-istilah* fiqh*’* 39% (134) sangat setuju dan 38% (128) setuju, item ketujuh (d7) ‘*saya faham istilah-istilah* fiqh *yang diterangkan oleh guru*’ 68% (232) sangat setuju dan 24% (83) setuju, item kelapan (d8) ‘*jika saya tidak faham istilah-istilah* fiqh *guru akan terangkan semula*’ 44% (150) sangat setuju dan 36% (124) setuju, item kesembilan (d9) ‘*saya suka cara guru mengajar ibadah di dalam kelas*’ 65% (220) sangat

setuju dan 21% (70) setuju dan bagi item kesepuluh (d10) '*guru mengajar saya memahami istilah-istilah* fiqh *dengan baik*' 51% (175) sangat setuju dan 28% (94) setuju.

Taburan kekerapan sangat rendah ditunjukkan bagi jawapan yang menyatakan kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Namun begitu terdapat peningkatan pada item kedua (d2) dan kelima (d5) di mana 22% (76) menyatakan kurang setuju, 9% (31) tidak setuju dan 7% (25) sangat tidak setuju bagi item kedua (d2) dan 22% (75) kurang setuju, 9% (29) tidak setuju dan 6% (22) sangat tidak setuju bagi item kelima (d5). Hal ini berlaku mungkin disebabkan kurangnya pendedahan pembelajaran berasaskan media elektronik oleh guru di dalam proses serta sikap guru yang jarang mengaplikasikan kaedah pemberian insentif dan pujian sebagai galakan dan motivasi kepada muird.

Jadual 4.7: Min Dan Sisihan Piawai Persepsi Murid Terhadap Pengajaran Guru

No.	Item	Min	Tahap Skor Min	Sisihan Piawai
d1.	Guru menerangkan maksud istilah-istilah fiqh dalam buku teks sehingga saya faham.	4.57	T	.815
d2.	Saya lebih faham apabila guru menggunakan gambar, tayangan video dan LCD bagi menerangkan pengertian bagi istilah-istilah fiqh.	3.72	ST	1.229
d3.	Guru suruh saya hafaz istilah-istilah fiqh tersebut.	4.09	T	.928
d4.	Saya diberi latihan berkaitan istilah-istilah fiqh selepas belajar.	4.41	T	.918
d5.	Saya diberi pujian atau hadiah jika dapat menjawab istilah-istilah fiqh.	3.73	ST	1.179
d6.	Waktu Pendidikan Islam guru akan menyoal istilah-istilah fiqh.	4.07	T	.974
d7.	Saya faham istilah-istilah fiqh yang diterangkan oleh guru.	4.59	T	.687

Jadual 4.6. sambungan

No.	Item	Min	Tahap Skor Min	Sisihan Piawai
d8.	Jika saya tidak faham istilah-istilah fiqh guru akan terangkan semula.	4.21	T	.838
d9.	Saya suka cara guru mengajar ibadah di dalam kelas.	4.45	T	.855
d10.	Guru mengajar saya memahami istilah-istilah fiqh dengan baik.	4.22	T	.997
	Purata skor	**4.21**		**.942**

Bagi persoalan berkaitan persepsi murid terhadap pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh, Jadual 4.7 menunjukkan bahawa skor min berada pada tahap tinggi kecuali pada item d2 dan d5 di mana kedua kedua-duanya mencatatkan skor min 3.72 bagi item '*saya lebih faham apabila guru menggunakan gambar, tayangan video dan LCD bagi menerangkan pengertian bagi istilah-istilah* fiqh' dan skor min 3.73 bagi item '*saya diberi pujian atau hadiah jika dapat menjawab istilah-istilah* fiqh'. Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap pengajaran guru adalah positif berdasarkan skor purata min yang berada pada tahap tinggi iaitu 4.21. Di samping itu, berdasarkan skor min yang tinggi bagi item-item tersebut dapat digambarkan bahawa guru P.I telah mengaplikasikan komponen-komponen utama bagi pengajaran yang berkesan dengan mengambil kira kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*insentive*) dan masa (*time*) sebagaimana dihuraikan dalam Bab 2.

4.3.2.4. Hubungan Antara Tahap Penguasaan Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Dengan Persepsi Dan Tanggapan Murid Terhadap Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah

Jadual 4.8: Korelasi Tahap Penguasaan Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Dengan Persepsi Dan Tanggapan Murid Terhadap Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah

		Tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	Persepsi dan tanggapan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah
Tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	Pekali korelasi Spearman`s rho	1.000	.756**
	Sig. (2-hujung)	.	.000
	N	341	341
Persepsi dan tanggapan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	Pekali korelasi Spearman`s rho	.756**	1.000
	Sig. (2-hujung)	.000	.
	N	341	341

***. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2 hujung).*

Bagi meneliti hubungan tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah dengan persepsi dan tanggapan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah Jadual 4.8 di atas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada paras yang tinggi antara kedua-duanya dengan r=0.756. Indikator ini berdasarkan kepada indikator korelasi Pallant sepertimana dalam Jadual 4.10. Justeru dapatan ini menolak hipotesis nol (Ho1) kajian.

4.3.2.5. Hubungan Antara Tahap Penguasaan Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Dengan Persepsi Murid Terhadap Proses Pengajaran Guru Berkaitan Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah

Jadual 4.9: Korelasi Tahap Penguasaan Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah Dengan Persepsi Murid Terhadap Proses Pengajaran Guru Berkaitan Istilah-Istilah Fiqh Berkaitan Ibadah

		Tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	Persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah
Tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	Pekali korelasi Spearman`s rho	1.000	.559**
	Sig. (2-hujung)	.	.000
	N	341	341
Persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah	Pekali korelasi Spearman`s rho	.559**	1.000
	Sig. (2-hujung)	.000	.
	N	341	341

***. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)*

Seterusnya Jadual 4.9 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah dengan persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah. Nilai pekali r=0.559

menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada paras yang tinggi antara kedua-duanya seterusnya menolak hipotesis nol (Ho2) yang dibuat sebelum ini.

Jadual 4.10: Indikator Korelasi Menurut Pallant[189]

Indikator	**Nilai *r***
Tinggi	0.50 – 1.00
Sederhana	0.30 – 0.49
Rendah	0.10 – 0.29

4.3.3. Bahagian C (Analisis Temubual, Pemerhatian Dan Dokumen)

Analisis pada bahagian ini adalah berdasarkan kepada temubual, pemerhatian dan dokumen berkaitan pdp P.I bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh dalam pdp. Dapatan daripada temubual, pemerhatian dan dokumen tersebut dianalisis dan direkod mengikut tema-tema dan kategori sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 4.11 di bawah.

[189] Pallant, Julie., *SPSS Survival Manual, 2nd Ed.* (London: Open University Press, 2007) dalam, Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah, "Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan", *Jurnal Teknologi*, 186.

4.3.4. Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik telah mengemukakan analisis data bagi maklumat yang telah dikumpul hasil daripada ujian bertulis, soal selidik serta dapatan daripada temubual, pemerhatian dan dokumen-dokumen berkaitan bagi menjawab persoalan tentang proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam pdp P.I. Hasil dari keputusan analisis yang diperolehi akan dibincangkan seterusnya dengan lebih mendalam pada Bab 5.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1. Pengenalan

Pada bab yang terakhir ini, penyelidik akan membincang dan menghuraikan dapatan kajian selain membuat kesimpulan serta rumusan berdasarkan kepada dapatan analisis kajian seperti mana yang telah diperjelaskan di dalam bab 4 sebelum ini. Sejajar dengan perkara tersebut, beberapa bentuk cadangan yang dirasakan sesuai dan perlu akan dikemukakan bagi menyelesaikan masalah yang timbul di samping menyertakan bersama beberapa cadangan lanjutan kepada pihak yang ingin menjalankan kajian berikutnya berteraskan kepada tajuk kajian ini.

5.2. Perbincangan Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

5.2.1. Perbincangan Latar Belakang Responden

Di dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada murid-murid daripada tujuh buah sekolah rendah terpilih di Zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bilangan responden adalah seramai 341 orang iaitu 158 (46.3%) lelaki dan 183 (53.7%) perempuan. Kesemua responden adalah terdiri daripada murid-murid tahun 5 yang berusia dalam lingkungan sebelas tahun.

Dari segi pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, kajian mendapati sebahagian besar daripada murid lulus serta mendapat keputusan yang baik di mana 86% daripada mereka mendapat keputusan A dan B, 14% mendapat C dan D dan hanya seorang mendapat E berdasarkan kepada keputusan PKSR 2 bagi tahun 2012.

Kajian ini juga mendapati hampir keseluruhan murid telah mendapat pendidikan tambahan bagi Pendidikan Islam selain dari apa yang dipelajari di Sekolah Kebangsaan. 46% daripada keseluruhan murid didapati menghadiri Sekolah Agama atau Kelas KAFA di samping selebihnya belajar agama di rumah jiran, guru agama, masjid, kelas-kelas fardu ain `ain dan dari ibu bapa sendiri. Daripada keseluruhan responden, hanya 1% murid yang menyatakan tidak memperolehi Pendidikan Islam atau agama dari mana-mana sumber selain daripada apa yang diajar di Sekolah Kebangsaan.

5.2.2. Tahap Penguasaan Murid Terhadap Istilah-istilah Fiqh Yang Terdapat Di dalam Buku Teks Pendidikan Islam KBSR

Berdasarkan kepada analisis data ujian bertulis (Jadual 4.4, Carta 4.3), kajian ini mendapati hanya 67 (20%) murid mencapai tahap cemerlang dengan purata markah yang diperolehi antara 80% hingga 100% dengan jawapan yang betul melebihi 20 soalan. Sementara majoriti murid dapat menjawab dengan betul kurang dari 20 soalan dengan 44% hanya dapat menjawab dengan betul antara 15 ke 20 soalan. Berdasarkan kepada interpretasi gred pencapaian sebagaimana ditetapkan oleh KPM, secara keseluruhannya pencapaian murid diklasifikasikan sebagai telah melepasi tahap memuaskan dan hanya 9% berada pada tahap belum menguasai.

Jika dinilai dari aspek kekerapan jawapan murid berdasarkan domain kognitif setiap soalan, kajian ini mendapati tahap penguasaan murid adalah sederhana (Carta 4.4) dimana bagi soalan aras rendah (tahap pengetahuan, kefahaman dan aplikasi), masih ramai murid yang gagal untuk mengingat kembali fakta asas dan definasi bagi istilah-istilah fiqh serta memahami konsep asas bagi setiap istilah tersebut. Sementara bagi soalan-soalan tahap tinggi (analisis), hanya 45% sahaja daripada murid dapat menjawab dengan betul.

Seterusnya bagi mengenalpasti tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR dengan lebih mendalam, 10 item telah dibina merujuk kepada isu-isu yang berkait rapat dengan penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh iaitu pengetahuan dan kefahaman murid berkaitan istilah-istilah fiqh, keupayaan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi serta penglibatan murid dalam pdp berkaitan istilah-istilah fiqh.

Peringkat pengetahuan merupakan peringkat terendah dalam tingkatan domain kognitif yang memerlukan murid mengingati kembali perkara yang dipelajari sebelumnya terutamanya fakta-fakta asas sesuatu pelajaran. Peringkat ini juga merupakan aras terendah bagi objektif pengajaran sesuatu proses pdp. Pada item b1, b2, dan b5 (carta 4.5) menunjukkan 57% (193) mengakui tahu maksud bagi semua istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam, 33% (115) boleh menyenaraikan contoh bagi fardu ain `ain dan 69% (235) mengakui boleh menyatakan erti bagi istilah sahur. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa sebahagian besar murid berjaya menguasai peringkat asas dalam domain kognitif, namun tahap penguasaan tersebut agak sederhana terutamanya jika dilihat kepada item b2 di mana 67% (226) murid menyatakan tidak boleh menyenaraikan contoh fardu ain. Sementara bagi peringkat kefahaman yang didefinasikan sebagai kebolehan murid untuk memahami maksud bagi sesuatu perkara,

antaranya menterjemahkan sesuatu perkara daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain[190], respon murid terhadap item b3 dan b4 menunjukkan peratusan besar murid tidak menguasai peringkat kefahaman bagi kedua-dua item yang dikemukakan. Hal ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor sebagaimana yang telah dikenal pasti di dalam kajian ini berdasarkan kepada temubual dan pemerhatian pengkaji antaranya[191];

i. Proses pdp guru yang tidak memberi penekanan/ pendetailan kepada setiap istilah yang telah diajar.
ii. Penggunaan bahan bantu mengajar yang terhad.
iii. Tiada aktiviti khusus (dalam atau luar bilik darjah) sebagai proses pengulangan bagi setiap istilah-istilah yang telah diajar.
iv. Persekitaran yang tidak membantu memperkayakan penguasaan istilah-istilah fiqh.
v. Murid tidak bersekolah Agama / KAFA

Bagi item b6, b7 dan b8 berkaitan isu penguasaan membaca dan menulis jawi, respon murid yang tinggi bagi jawapan sangat setuju dan setuju bagi item b6 dan b7 (carta 4.5) menunjukkan bahawa peratusan murid yang bermasalah dalam membaca dan menulis istilah-istilah tersebut dalam tulisan jawi adalah rendah. Namun, peratusan murid yang lemah masih ketara iaitu sekitar 11% bagi yang bermasalah membaca istilah tersebut dalam tulisan jawi dan 28% murid bermasalah untuk menulis semula istilah tersebut dalam tulisan jawi. Bagaimanapun dapatan kajian secara tidak langsung menggambarkan bahawa sebahagian besar murid mampu untuk mengakses maklumat-maklumat berkaitan istilah-istilah fiqh samada dari buku teks atau lain-lain bahan bertulisan jawi.

[190] Abdul Shukor Shaari, "*Pedagogi: Dari Sekolah Ke Institut Pengajian Tinggi*", 26.
[191] Dapatan ini merujuk kepada matrik analisis temubual, pemerhatian dan dokumen berkaitan pdp Pendidikan Islam KBSR pada jadual 4.11.

Sementara itu, respon bagi item b8 berkaitan kebolehan murid menyebut istilah-istilah tersebut dengan betul dan fasih yang agak rendah (61%) mungkin boleh dikaitkan dengan beberapa faktor yang disenaraikan sebelum ini terutamanya dari segi penggunaan istilah-istilah tersebut dalam komunikasi harian serta kurangnya proses pengulangan terhadap istilah-istilah fiqh tersebut. Ini kerana pelajaran tentang istilah adalah berkaitan bahasa, dan bagi memahirkan murid dengan sesuatu bahasa peluang haruslah diberikan kepada mereka untuk menggunakannya di dalam bilik darjah. Allwright berpendapat bahawa, mempraktik komunikasi dalam bilik darjah sangat berguna kepada pelajar bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa-bahasa yang dipelajari di dunia luar. Komunikasi di sini bermaksud pertuturan sesama guru dan pelajar, sehingga mereka bertukar-tukar peranan sebagai penutur dan pendengar[192].

Rentetan dari itu, senario ini dilihat memberi kesan kepada penglibatan murid dalam pdp di mana respon yang diperolehi menunjukkan bahawa sebahagian daripada murid 48% tidak yakin untuk melibatkan diri jika diminta guru untuk menerangkan istilah-istilah fiqh yang telah diajar kepada rakan-rakan. Selain itu murid juga kebanyakannya kurang yakin untuk menjawab dengan betul jika terdapat soalan-soalan berkaitan istilah-istilah tersebut.

Selain itu, senario ini juga memberi kesan langsung kepada proses pembelajaran Pendidikan Islam untuk peringkat yang lebih tinggi sebagaimana kajian Wan Zahari[193] yang mendapati majoriti murid tidak menguasai perbendaharaan kata Arab di dalam Pendidikan Syariah Islamiah. Walaupun situasi ini mungkin berbeza disebabkan oleh isi

[192] Allwright, R.L. (1984). The importance of interaction in classroom language learning. *Applied Linguistics 5:2*. 156-171, dalam Dr. Muhammad Azhar Bin Zailaini & Prof Madya Dr. Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan, "*Keperluan Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah*", laman sesawang IIUM, dicapai pada 12/5/2014, http://www.iium.edu.my/ilc/?download=03-bm08.pdf

[193] Wan Zahari Wan Mahmud, "Penguasaan Perbendaharaan Kata Arab Dalam Pendidikan Syariah Islamiah: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka", (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011)

kandungan serta aras pembelajaran yang berbeza antara sekolah rendah dan sekolah menengah, tidak dinafikan bahawa adanya kesinambungan antara Pendidikan Islam di sekolah rendah dan Pendidikan Syariah Islamiah di sekolah menengah. Tahap penguasaan pelajar mungkin dapat ditingkatkan jika pendedahan berkaitan istilah-istilah fiqh diperkemaskan bermula dari peringkat rendah lagi.

5.2.3. Persepsi Murid Terhadap Istilah-istilah Fiqh Yang Diajar Oleh Guru

Seterusnya bagi persoalan berkaitan persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh, dapatan menunjukkan bahawa murid mempunyai persepsi yang amat positif terhadap istilah-istilah tersebut merujuk kepada skor purata min yang berada pada tahap tinggi (4.10). Keadaan ini jelas menggambarkan murid akur dengan kepentingan menguasai istilah-istilah tersebut di samping merasakan istilah-istilah tersebut mudah untuk disebut, ditulis, diingat dan difahami maknanya. Selain itu hampir keseluruhan menyatakan berminat untuk tahu dan kuasai istilah tersebut. Merujuk kepada dapatan berkaitan latarbelakang murid, menunjukkan bahawa antara faktor yang mempengaruhi persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh adalah tahap kesedaran ibu bapa dalam memberi didikan agama kepada murid dimana jika dirujuk kepada respon murid berkaitan sumber lain bagi Pendidikan Islam selain Sekolah Kebangsaan, 54% daripada responden menyatakan bahawa mereka menghadiri sekolah agama / KAFA[194] dan kelas-kelas fardu ain. Di samping itu ibu bapa juga dilihat telah memainkan peranan di mana dapatan menunjukkan 25% daripadanya mengajar Pendidikan Islam kepada anak-anak di rumah di samping

[194] Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) adalah suatu program berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain. Rujuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia "*Garis Panduan KAFA*", 2, laman sesawang JAKIM, dicapai pada 5/12/2014, http://www.islam.gov.my/sites/default/files/gp_-_haslina_muktamad-3.pdf

menghantar mereka ke rumah jiran, guru-guru agama dan masjid. Dalam hal ini guru Pendidikan Islam yang ditemubual memperakui bahawa kehadiran murid ke Sekolah Agama/ KAFA memberi impak yang amat besar terhadap perlaksanaan pdp Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. Rata-rata murid yang menghadiri Sekolah Agama/ KAFA mempunyai asas yang kukuh berkaitan Pendidikan Islam berbanding murid yang tidak menghadiri Sekolah Agama / KAFA[195].

Namun begitu jika dilihat pada item c7 dan c8 (carta 4.6) skor yang ditunjukkan menggambarkan sebahagian besar murid mempunyai persepsi sebaliknya terhadap kondisi istilah tersebut mudah diingat dan difahami. Perkara ini dilihat terkesan daripada tahap kognitif murid yang rata-ratanya berada pada tahap rendah. Perhatian yang khusus dari guru diperlukan agar tidak berlaku keciciran yang akhirnya memberi kesan dalam membentuk persepsi posistif murid terhadap istilah-istilah fiqh secara keseluruhannya.

5.2.4. Persepsi Murid Terhadap Proses Pengajaran Guru Berkaitan Istilah-istilah Fiqh

Fokus kajian seterusnya adalah untuk melihat apakah persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam kelas. Bagi tujuan tersebut pembinaan item adalah berdasarkan empat komponen utama berkaitan amalan pengajaran berkesan guru iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa.

[195] Dapatan temubual bersama Guru-guru Pendidikan Islam yang dipilih dari 7 buah sekolah rendah dalam Zon Pudu, Wilayah Persekutuan pada 16 April sehingga 7 Mei 2013. Sila rujuk matrik analisis temubual, pemerhatian dan dokumen berkaitan Pendidikan Islam KBSR pada jadual 4.11.

Secara keseluruhannya purata skor min bagi item-item berkaitan persoalan yang dikemukakan adalah tinggi (4.21) dan secara tidak langsung menggambarkan bahawa persepsi murid terhadap pengajaran guru adalah positif.

Merujuk kepada kualiti pengajaran, respon yang diberikan oleh murid dilihat sangat bersetuju dengan kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh guru. Skor yang tinggi dapat dilihat pada item d7 dimana hampir keseluruhan murid (92%) memberi respon sangat setuju dan setuju terhadap kaedah penerangan yang diberikan oleh guru.

Manakala dari segi penggunaan bahan bantu, 61% murid bersetuju penggunaan bahan bantu berbentuk multimedia / ICT oleh guru bagi menerangkan pengertian sesuatu istilah fiqh akan menambahkan pemahaman mereka. Namun dalam hal ini, dapatan daripada temubual dan pemerhatian (Jadual 4.11) yang dilakukan mendapati kebanyakan guru tidak bersedia untuk mengaplikasikan penggunaan bahan bantu berbentuk multimedia / ICT atas beberapa alasan antaranya; kesukaran untuk akses kepada peralatan multimedia / ICT di sekolah, kekangan masa/ penyediaan peralatan dan tempat serta kurang kemahiran ICT. Ini sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Ting Kung Shiung & Woo Yoke Ling yang menggariskan beberapa kekangan dan cabaran penggunaan ICT dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional[196] antaranya:

i. Kekangan dalam menghabiskan silibus

ii. Sikap negatif guru

iii. Kekurangan kemahiran

iv. Kekurangan prasarana dan bahan sokongan

[196] Ting Kung Shiung & Woo Yoke Ling, "Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT Dan Kekangan / Cabaran Penggunaan ICT" (Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, UTM, 15 Oktober 2005), 1-17.

v. Jurang ICT dan digital

vi. Sumber kewangan yang tidak mencukupi

Seterusnya bagi kesesuaian aras pengajaran, kajian ini mendapati proses pdp guru adalah merujuk kepada aras yang bersesuaian. Ini berdasarkan kepada dapatan daripada dokumen-dokumen berkaitan pdp guru (Jadual 4.11) yang menunjukkan bahawa perancangan pdp guru keseluruhannya adalah mengikut standard yang ditetapkan berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran. Demikian juga jika dilihat pada respon murid bagi item d9 dan d10 yang mencatat skor min yang tinggi iaitu 4.45 dan 4.22 yang menggambarkan hampir keseluruhan murid suka dan faham dengan proses pdp guru di dalam kelas.

Bagi insentif pula, respon terhadap item berkaitan menunjukkan murid bersetuju bahawa guru telah memberikan insentif dalam bentuk pujian, motivasi serta mempelbagaikan aktiviti bagi menarik minat terhadap poroses pdp. Shahril @ Charil bin Hj Marzuki dalam kajiannya menggariskan dua cara untuk guru memberikan motivasi kepada pelajar supaya terus belajar[197] iaitu:

i. Guru perlu menyediakan pengajaran yang boleh menarik minat dan menyeronokkan pelajar dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pelbagai bahan bantu.

ii. Guru boleh memberi insentif kepada pelajar dengan cara memberikan ganjaran atau pujian kepada pelajar yang dapat menguasai sesuatu kemahiran atau memberi dendaan kepada pelajar yang tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran.

[197] Shahril @ Charil Bin Haji Marzuki, "Amalan Pengajaran Guru Yang Berkesan: Kajian di Beberapa Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan Dan Selangor", *Jurnal Pendidikan*, 24 (2004), 3.

Hal ini dilihat perlu bagi membentuk persepsi positif murid terhadap murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya terhadap pemahaman istilah-istilah fiqh. Di sini terdapat beberapa usaha yang perlu dipertingkatkan terutamanya mempelbagaikan lagi aktiviti dalam pdp. Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap proses pdp guru, kajian mendapati aktiviti yang dilaksanakan oleh kebanyakan guru hanya terhad kepada kaedah penerangan dan tunjuk cara, sementara kad imbasan pula menjadi bahan bantu yang dianggap mudah dan popular dalam kalangan guru.

Akhir sekali tumpuan bahagian ini adalah kepada peruntukan masa di mana ia melibatkan waktu interaksi bagi proses pdp serta masa yang diperuntukkan oleh guru dan murid bagi mencapai objektif sesuatu pdp. Ini melibatkan masa yang diluangkan oleh guru bagi mengulangkaji, memberi latihan serta aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan pemahaman murid terhadap sesuatu pelajaran. Dalam hal ini respon menunjukkan 89% murid bersetuju bahawa guru telah memberi latihan berkaitan istilah-istilah fiqh selepas prose pdp sementara 77% murid bersetuju bahawa guru melakukan proses ulangkaji terhadap istilah-istilah fiqh yang telah diajar semasa proses pdp Pendidikan Islam. Namun demikian kajian ini melihat kebanyakan aktiviti yang dilaksanakan terhad kepada aktiviti dalam bilik darjah di mana kebanyakan pdp berkaitan istilah-istilah fiqh merupakan sebahagian kecil atau kurang 1/3 daripada keseluruhan proses pdp bagi pelajaran ibadah. Tiada sebarang usaha dilakukan oleh pihak Panitia Pendidikan Islam melalui aktiviti aktiviti sampingan atau luar bilik darjah bagi tujuan memperkayakan penguasaan istilah fiqh dalam kalangan murid.

5.2.5. Hubungan Antara Persepsi Dengan Tahap Penguasaan Murid

Berdasarkan ujian korelasi yang dilakukan menggunakan pekali korelasi Spearman`s rho, kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi dan tanggapan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah dengan tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah dalam kalangan murid dengan nilai pekali korelasi yang tinggi r=0.756. Sementara bagi persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah dengan tahap penguasaan istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah pula nilai pekali korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan nilai yang tinggi r=0.559.

Jelasnya, dapatan daripada kajian memberi gambaran yang jelas tentang peri pentingnya peranan guru dalam membentuk persepsi dan tanggapan yang positif di dalam minda murid tentang istilah-istilah fiqh serta Pendidikan Islam secara umumnya. Pembentukan persepsi dan tanggapan yang posotif secara tidak langsung akan mempengaruhi kesediaan belajar murid baik dari aspek kognitif, efektif dan psikomotor dan akhirnya membolehkan murid menikmati pembelajaran dengan berkesan[198].

Abdul Sukor dalam hal ini telah menggariskan antara peranan yang perlu dimainkan oleh guru sebagai agen penyalur maklumat dan pengetahuan kepada murid yang berkesan adalah menarik minat murid terhadap mata pelajaran, merangsang dan meningkatkan perasaan ingin tahu murid serta memotivasikan mereka untuk belajar [199]:

[198] Ee Ah Meng, "*Murid dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2",* (Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1995),
[199] Abdull Sukor Shaari, "*Guru Berkesan: Petua Dan Panduan*", (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008), 11.

5.3. Rumusan Kajian

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan ini, kajian dapat merumuskan beberapa dapatan. Dapatan-dapatan tersebut ialah:

i. Tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat buku teks Pendidikan Islam adalah sederhana.

ii. Murid mempunyai persepsi yang positif terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang diajar oleh guru.

iii. Murid mempunyai persepsi yang positif terhadap poroses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam kelas

iv. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah tersebut.

v. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap proses pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh di dalam kelas dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah tersebut.

vi. Kajian ini menunjukkan model amalan pengajaran berkesan sebagaimana diutarakan oleh Slavin telah digunakan oleh kebanyakan responden dari kalangan guru-guru Pendidikan Islam di beberapa sekolah rendah dalam Zon Pudu, Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur.

5.4. Cadangan Kajian

Berdasarkan kepada hasil analisis terhadap data yang diperoleh, perbincangan dan rumusan yang telah dilakukan sebelum ini, maka pada bahagian ini penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan terhadap kajian ini. Cadangan-cadangan ini merupakan sebagai langkah untuk mempertingkat serta memperbaiki penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah. Antara pihak yang terbabit untuk cadangan ini ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, pentadbiran sekolah dan tenaga pendidik.

5.4.1. Kementerian Pelajaran Malaysia

Bahagian Buku Teks (BBT) KPM disarankan agar menyediakan naskah khusus berkaitan istilah-istilah fiqh sebagai sisipan bersama buku panduan guru/ kamus istilah untuk tujuan rujukan guru-guru Pendidikan Islam serta warga sekolah yang lain. Ini berdasarkan kepada respon daripada guru Pendidikan Islam yang menyatakan sukar untuk mengakses kepada pengertian istilah-istilah tersebut di dalam buku teks, huraian yang terdapat di dalam buku teks dan buku panduan guru ringkas dan terhad kepada istilah-istilah tertentu sahaja serta terdapat beberapa kekangan bagi memungkinkan guru mendapatkan maklumat dari sumber-sumber yang diperakui terutamanya daripada kitab-kitab fiqh berbahasa Arab.

5.4.2. Jabatan Pelajaran Negeri

Dalam melahirkan guru yang berpengetahuan terutamanya berkaitan istilah-istilah fiqh, pihak Jabatan Pelajaran Negeri disaran mengadakan bengkel-bengkel atau seminar berkaitan istilah-istilah fiqh. Dalam hal ini kerjasama secara berterusan dengan mereka yang terbabit secara langsung dalam bidang ini seperti Dewan Bahasa Pustaka, Pusat

Kajian Bahasa di universiti-universiti tempatan serta pakar-pakar bahasa perlulah digarapkan.

5.4.3. Pengurusan Dan Pentadbiran Sekolah

Pihak sekolah dalam hal ini perlu memberi sokongan dan galakan kepada guru dan murid agar sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka dalam Pendidikan Islam di samping memperkayakan perbendaharaan istilah-istilah fiqh. Pihak sekolah perlu memberikan sokongan dan kerjasama kepada pihak panitia Pendidikan Islam agar mengadakan pelbagai aktiviti bagi tujuan memperkayakan perbendaharaan istilah fiqh seperti pertandingan menghafaz istilah-istilah fiqh, kuiz istilah, program 5 minit istilah fiqh dan sebagainya. Di samping itu, pihak sekolah juga perlu mewujudkan persekitaran yang dapat merangsang kepada penonjolan istilah-istilah fiqh seperti memperbanyakkan lagi paparan papan tanda, sudut ilmu serta label-label yang mempamerkan penggunaan istilah-istilah fiqh sebagaimana usaha yang dilakukan untuk memperkayakan perbendaharaan kata (*vocabulary*) untuk bahasa Inggeris.

5.4.4. Tenaga Pendidik

Sebagai insan yang terlibat secara langsung dalam proses pemindahan ilmu kepada murid , kebijaksanaan serta ketinggian hikmah dalam pengajaran dan pembelajaran amat diharap oleh murid. Guru yang kreatif dan inovatif akan dapat menjelmakan satu bentuk suasana pembelajaran yang kondusif serta bermakna. Perkara yang paling penting di sini ialah guru diharap dapat membentuk persepsi positif murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam terutamanya berkaitan istilah-istilah fiqh yang dianggap susah untuk diingat dan difahami oleh murid seterusnya meningkatkan tahap kesediaan belajar murid.

Seterusnya, seorang guru perlu menjadi guru berkesan yang mempunyai empat sifat berikut iaitu[200]:

i. Kawalan terhadap asas pengetahuan

ii. Sumber koleksi maklumat

iii. Mempamerkan sikap dan kemahiran yang sepatutnya dalam tindakan dan penyelesaian masalah

iv. Menganggap pembelajaran sebagai proses sepanjang hayat

Seterusnya, bagi tujuan memperkasakan penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR beberapa langkah perlu diberi perhatian oleh guru melibatkan tiga fasa iaitu:

1. Fasa sebelum proses pdp

i. Perancangan proses pdp/ aktiviti yang melibatkan murid

ii. Penyediaan bahan bantu yang bersesuaian (penggunaan bahan maujud dan bahan pengajaran berbantukan ICT)

iii. Pengetahuan mendalam guru berkaitan istilah-istilah fiqh (membuat rujukan awal berkaitan istilah-istilah yang akan diajar)

2. Fasa semasa proses pdp

i. Penggunaan strategi dan teknik yang sesuai bagi membolehkan murid memahami dan mengingati konsep asas sesuatu istilah.

ii. Melaksanakan aktiviti yang dapat membantu murid mengingati setiap istilah yang diajar contohnya, membuat buku skrap dan kamus peribadi bagi istilah-istilah fiqh.

[200] Abdull Sukor Shaari, "*Pedagogi: Dari Sekolah Ke Institut Pendidikan Tinggi*", (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011), 165.

iii. Merangsang minat dan menggerakkan penyertaan murid secara aktif melalui aktiviti-aktiviti yang menarik.

iv. Sentiasa memberi motivasi tentang kepentingan menguasai istilah-istilah tersebut terutamanya bagi memudahkan murid memahami dan menguasai Pendidikan Islam.

v. Menyediakan aktiviti yang bersesuaian bagi tujuan pengukuhan.

3. Fasa selepas proses pdp

i. Memastikan penggunaan istilah-istilah tersebut memjadi kebiasaan dalam kalangan murid dengan mempraktikkan pengunaan istilah-istilah tersebut dalam kawasan sekolah.

ii. Memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan istilah-istilah fiqh. Contohnya; kuiz Pendidikan Islam, pertandingan berbentuk amali (menguji kemahiran fardu ain `ain) dan lain-lain aktiviti yang bersesuaian.

iii. Menyediakan bahan bacaan, pernyataan, iklan dan lain-lain medium yang memudahkan mudah untuk mengakses maklumat berkaitan istilah-istilah fiqh.

5.5. Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini hanya melihat penguasaan istilah fiqh terbatas kepada istilah-istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam. Banyak kelemahan serta kekurangan yang perlu diperbaiki bagi mendapatkan hasil yang lebih memuaskan. Kajian ini hanya melibatkan murid dari sekolah rendah dalam Zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Oleh yang demikian, dapatan serta hasil analisis menggambarkan keputusan dan permasalahan yang dihadapi oleh murid sekolah rendah dalam Zon Pudu,

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Kemungkinan keputusan dan masalah ini berubah atau berbeza jika dibuat kajian di sekolah rendah negeri-negeri lain berdasarkan demografi responden yang berbeza di seluruh negara. Penyelidik ingin mencadangkan kepada para penyelidik akan datang agar dapat memperluaskan lagi skop kajian bagi mendapatkan maklum balas yang lebih tepat dan jitu seboleh-bolehnya merangkumi semua jenis sekolah yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Islam di seluruh negara.

5.6. Penutup

Tahap penguasaan murid terhadap istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR secara umumnya berada pada tahap sederhana. Walaupun dapatan kajian mendapati kebanyakan murid mempunyai persepsi yang positif terhadap keberadaan istilah tersebut dalam Pendidikan Islam, seharusnya persepsi tersebut harus dipupuk menjadi minat dan motivasi bagi murid untuk terus mendalami dan menguasai istilah-istilah tersebut secara keseluruhannya. Minat tersebut perlu dipupuk dengan persediaan ke arah pembelajaran yang lebih berkesan. Pendekatan serta pendedahan yang pelbagai menjadi elemen penting dalam usaha menjadikan murid lebih berminat dan merasa seronok untuk mempelajari dan mendalaminya di sekolah. Pihak yang terlibat secara langsung dalam Pendidikan Islam perlulah lebih peka terhadap perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam era perkembangan teknologi ICT dewasa ini. Akhir sekali perlu ditegaskan di sini bahawa usaha ini perlu dilaksanakan dengan menggembleng tenaga semua pihak melibatkan KPM, Jabatan Pelajaran Negeri, Sekolah, warga pendidik, serta ibu bapa.